

BAB TIGA
**ORGANISASI ZAKAT & FATWA SERTA KONSEP PEMAKAIAN EMAS DI
SELANGOR & MELAKA**

3.1 PENDAHULUAN

Menurut Ahmad Hidayat Buang (2005),²⁴⁴ kepekaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terhadap versi perkembangan Islam di Malaysia telah mencetuskan gelombang besar terhadap perubahan dalam sistem pentadbiran agama Islam negara. Pengaplikasiannya dapat dilihat secara berperingkat dan diterjemahkan melalui pengasingan tiga institusi penting yang selama ini bernaung di bawah organisasi MAIN secara terus. Pengasingan tersebut melibatkan Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti dan Jabatan Agama Islam. Keputusan pengasingan adalah bagi menaik taraf kualiti pengurusan dalam usaha memastikan kepentingan Umat Islam di negara ini terus terbela dan terpelihara. Selain itu, matlamat pengasingan juga adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat secara lebih fokus dan sistematik. Ia bukan sahaja berupaya merencanakan pertumbuhan aktiviti-aktiviti berbentuk dakwah semata-mata, malah dapat juga membangunkan sektor agama menjadi lebih baik ke arah mencapai objektif yang telah digariskan oleh MAIN. Sekalipun mampu bergerak sendiri dalam banyak situasi, namun bagi tujuan pemantauan, ia telah diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri selaku nakhoda yang mengemudi institusi-institusi berkenaan supaya berjalan mengikut standard piawaian yang telah ditetapkan.²⁴⁵ Seajar dengan itu juga, pengasingan turut membuka ruang kepada institusi-institusi terbabit untuk bergerak secara solo dan lebih berdikari serta terarah dalam mencapai matlamat. Penumpuan sebegini telah menggarap transformasi pelbagai aspek penting di dalam bidang pengoperasian jabatan. Banyak perubahan seiring peredaran zaman telah dapat dilakukan dengan lebih cemerlang hasil daripada perancangan pemisahan. Keputusan untuk

²⁴⁴ Ahmad Hidayat Buang (2005), *Ke Arah Penyelarasan Fatwa: Masalah, Kemungkinan dan Cara Penyelesaiannya*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat Asean, Hotel Nikko, Kuala Lumpur 16-17 Ogos 2005.

²⁴⁵ *Ibid.*

memisahkan ketiga-tiga institusi ini telah dimanifestasikan oleh semua negeri di seluruh negara dan proses transformasi tersebut telah lama berlaku sejak dari tahun 1990an lagi. Sebelum transformasi ini diperkenalkan dan dilaksanakan oleh pemerintah, sudah menjadi amalan turun-temurun bahawa semua fungsi jabatan-jabatan ini diletakkan di bawah pengurusan dan pentadbiran Jabatan Agama Islam bagi pihak Majlis Agama Islam. Ketiga-tiga institusi ini sering bekerjasama membantu Majlis bagi melaksanakan dasar-dasar yang telah digubal dan diputuskan di dalam enakmen. Menurut enakmen juga, hanya Majlis sahaja yang diberikan kuasa mutlak bagi mengubal dasar-dasar agama Islam seluruh negeri di Malaysia.²⁴⁶ Kedudukan Agama Islam sebagai agama persekutuan telah mengangkat institusi agama ke tahap yang tinggi sehingga menjadi sandaran dan rujukan kepada umat Islam seluruh negara.²⁴⁷

Dari perspektif kajian, ternyata segala persoalan tentang *'urf* dan adat masyarakat yang dikupas dan dibahaskan berkaitan emas perhiasan, adalah tidak membabitkan institusi-institusi kehakiman dan bidang perundangan, sekalipun ia tersenarai sebagai salah satu daripada tiga organisasi yang diasingkan.²⁴⁸ Peranan Mahkamah Syariah lebih cenderung dan memberi penekanan kepada pengendalian kes-kes berkaitan undang-undang kekeluargaan Islam yang tidak ada hubung kait dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh kajian.²⁴⁹ Kes yang dirujuk di bawah prinsip-prinsip *'urf* yang menjadi intipati utama di dalam kajian ini hanya melibatkan organisasi dalam pengurusan zakat seperti MAIN sahaja, dan juga melibatkan organisasi yang mengendalikan bidang kefatwaan seperti Jabatan

²⁴⁶*Ibid.*

²⁴⁷Perkara 3(1) Undang-undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan yang termaktub bahawa "*Islam ialah agama bagi persekutuan. Tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan.*"

²⁴⁸Di dalam sistem perundangan Islam, bidang kuasa Mahkamah Syariah disebut sebagai al-Wilayah, yakni hak dan juga kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes. Sekiranya Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa ini, maka mahkamah tidak boleh membuat sebarang keputusan terhadap mana-mana percicaraan. Disebabkan perundangan di Malaysia mengamalkan sistem dualisme, maka dengan adanya bidang kuasa ini secara dasarnya tidak boleh mengalami konflik dalam menentukan kuasa mendengar dan memutuskan sebarang kes. Bidang kuasa yang tertentu juga dapat menentukan kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah. Secara umum, bidang kuasa yang dimiliki oleh Mahkamah Syariah di Malaysia tidak berbeza jika dibandingkan ketika zaman kemerdekaan. Sumber Institut Kefahaman Islam Malaysia, dicapai pada 19 November 2013, www.ikim.gov.my.

²⁴⁹Senarai 2, Jadual Sembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Mufti Negeri. Kedua-dua organisasi ini telah diberi amanah untuk memikul tanggungjawab bagi memastikan sistem pengurusan zakat di negeri masing-masing secara keseluruhan (teori atau praktikal) supaya dapat direalisasikan tanpa sebarang *masyaqqah* dalam konteks perlaksanaannya.²⁵⁰

Seiring dengan itu, rangkaian usahasama dan jalinan kerjasama yang tercetus sekian lama antara MAIN dan Jabatan Mufti Negeri sama ada secara langsung atau tidak langsung, terpapar dalam pelbagai sudut hukum, namun ia begitu menyerlah dalam isu-isu zakat yang merupakan topik yang kerap kali dibincangkan. Dari sudut peranan, kepentingan zakat yang bertindak sebagai salah satu rukun Islam yang lima dapat difahami berdasarkan kepada perbincangan tentangnya yang dimuatkan dalam kitab-kitab teras fiqh di bawah fasal-fasal ibadat. Malah, para ulama juga mengupas isu tentang zakat secara meluas di dalam sistem pentadbiran dan kewangan negara.²⁵¹ Oleh itu, penguasaan ilmu dan pemahaman yang mendalam tentang manifesto zakat dapat menangkis segala bentuk kesilapan dalam menafsirkan rukun Islam yang keempat ini agar tidak memberi impak negatif dari sudut agihan kepada golongan asnaf yang memerlukan. Malah, sekiranya tidak diuruskan dengan bijaksana oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab, maka dikhuatiri faktor ekonomi yang wujud di dalam konteks zakat tersebut menjadi tidak seimbang dengan faktor keimanan dan ketaqwaan yang sepatutnya lebih diberi perhatian. Tidak ketinggalan, bahawa zakat berdasarkan kenyataan tersebut adalah merupakan antara asas penting yang harus diberi perhatian secara serius oleh para *umarak* (pemerintah) kerana ia berkemampuan untuk membantu negara dalam mengatasi masalah kemiskinan dan kemelaratan, serta menjamin hak golongan yang tidak bernasib baik terus terbela. Menerusi penghayatan terhadap ibadat zakat, objektif yang digariskan oleh syarak dari sudut yang lain adalah merupakan asas

²⁵⁰Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

²⁵¹Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1994), *Kuasa-kuasa dan Kaedah Pentadbiran Zakat Di Malaysia*, Jurnal Syariah, j. 2, bil. 1, h. 60. al-Zuhaylī, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, c. 2. j. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 733.

kejayaan dari aspek hubungan dengan manusia iaitu *ḥablun min al-nās* (حبل من الناس).²⁵² Penerangan yang diberikan oleh al-Quran serta contoh amalan yang dipertontonkan oleh al-Sunnah tentang zakat, yang bertindak selaku pemangkin kepada ekonomi dan keperluan negara adalah sungguh realistik dan menakjubkan. Dengan penjelasan tersebut, spesifikasi zakat telah terbukti menjadi satu wadah yang sungguh aktif bagi menjaga kebajikan seluruh asnaf yang termaktub di dalam al-Quran, tanpa perlu memberikan bebanan kepada para *umarak* untuk mencari-cari variasi kaedah bantuan yang lain. Al-Quran menggunakan pelbagai pendekatan secara umum dan khusus untuk mendidik manusia supaya patuh kepada kewajipan zakat seperti *fāstabiqū al-khayrāt* (berlumba-lumba membuat kebajikan),²⁵³ *fālyatanaffas al-mutanaffisūn* (persaingan antara satu sama lain),²⁵⁴ *ta‘āwun* (bantu-membantu),²⁵⁵ *tathīr al-amwāl* (pencucian harta),²⁵⁶ *ṣadaqah* (sedekah jariah),²⁵⁷ *ukhwah fī allāh* (persaudaraan kerana Allah)²⁵⁸ dan sebagainya. Dalam sistem pentadbiran dan pengurusan zakat, fungsi Jabatan Mufti tidak dapat dipisahkan dengan proses kefatwaan.²⁵⁹ Tanpa fatwa, sesuatu isu khilaf dalam permasalahan zakat akan tergantung dan menjadi

²⁵² Allah SWT berfirman: “Akan ditimpa kehinaan ke atas manusia walau di mana sahaja mereka berada kecuali mereka-mereka yang menjaga hubungan dengan Allah dan menjaga juga hubungan dengan manusia.” Sūrah al-‘Imrān (3): 112

²⁵³ Allah SWT berfirman: “Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menuju ke arahnya, Oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan, kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan) Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” Sūrah al-Baqarah (2) : 148

²⁵⁴ Allah SWT berfirman : “ Ia ditutupi dengan kasturi, Dan untuk memperolehi nikmat kesenangan tersebut, maka hendaklah mereka bersaing antara satu sama lain.” Sūrah al-Muṭaffifin (83) : 26

²⁵⁵ Allah SWT berfirman: “Demi masa, sesungguhnya manusia itu berasa di dalam kerugian kecuali mereka-mereka yang bertolong bantu terhadap kebenaran dan bertolong bantu terhadap kesabaran.” Sūrah al-‘Asr (103): 1-3. Allah SWT berfirman lagi: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan kebenaran agama Islam, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.” (Sūrah al-‘Imrān 3: 104). Allah SWT berfirman: “Dan hendaklah kamu bertolong bantu untuk membuat kebajikan dan bertaqwa. Dan janganlah kamu bertolong bantu pada melakukan dosa dan pencerobohan, dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).” Sūrah al-Māidah (5) : 2. Piagam Madinah Fasal 15 juga ada menyebut bahawa: “Jaminan Allah adalah satu. Ia melindungi mereka yang lemah. Bahawa orang-orang yang beriman hendaklah saling tolong-menolong antara satu sama lain.” Abdul Monir Yaacob (1986), *Hak Asasi Manusia Menurut Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.107.

²⁵⁶ Allah SWT berfirman: “Ambillah sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan ingatlah Allah Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui. Sūrah at-Tawbah (9) : 103.

²⁵⁷ *Ibid.* Sūrah at-Tawbah (9) : 103.

²⁵⁸ Allah SWT berfirman: “Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, mudah-mudahan kamu dirahmati.” Sūrah al-Ḥujurāt (49) : 10.

²⁵⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. *op.cit.*

masalah kepada masyarakat. Jabatan Mufti telah diberi kuasa oleh Raja dan Sultan untuk memastikan bahawa semua fatwa tentang isu-isu penting yang timbul dalam masyarakat dapat diterbitkan secepat mungkin melalui proses-proses yang telah ditetapkan.²⁶⁰ Selain mengeluarkan fatwa, jabatan ini juga berfungsi untuk meneliti, menilai, mengkaji dan memilih pandangan-pandangan tertentu di kalangan cendekiawan Islam silam atau kontemporari yang dianggap lebih sahih dan kuat dari sudut dalil-dalilnya (jika dibandingkan dengan yang lain), untuk dijadikan sebagai sandaran dan rujukan sesebuah negeri.²⁶¹ Di samping itu, pandangan yang harus menjadi pilihan dan keutamaan selain kukuh dari segi *nasnya*, namun ia juga perlu sepadan dan bersesuaian dengan budaya, persekitaran dan cara hidup masyarakat Islam di Malaysia.²⁶² Pandangan yang *rajih*, kuat dalilnya dan lebih sahih di kalangan alim ulama khususnya di dalam mazhab aliran *al-Syafi'iyah* akan diperakukan dan diberi status fatwa bagi menjamin kesucian agama Islam di Malaysia terus terpelihara dan tidak dirosakkan oleh pandangan-pandangan ekstrem dan melampaui batas.²⁶³ Selain menetapkan fatwa dari sudut syariat dan hukum, jabatan ini juga amat menitik-beratkan kajian dan penyelidikan dalam persoalan akidah, kerana ia adalah merupakan asas utama di sisi syarak yang akan diambil kira bagi mendapatkan pengiktirafan kepada segala amalan yang lain. Tanpa aqidah yang sebenar, selain mengundang kecelaruan pemikiran dalam masyarakat Islam, ia juga memberi kesan negatif terhadap kesatuan dari sudut pengamalan Islam di Malaysia. Justeru, pendedahan yang dibuat berdasarkan kajian tersebut adalah untuk membantu masyarakat membanteras fahaman-fahaman sesat yang tidak selari dengan tuntutan akidah *Ahlul Sunnah wal Jama'ah*.²⁶⁴ Malah, Jabatan Mufti sentiasa berusaha menyalurkan maklumat dan informasi yang jelas kepada masyarakat tentang apa sahaja persoalan berkaitan penyelewengan dari sudut aqidah, syariat, akhlak dan

²⁶⁰*Ibid.*

²⁶¹*Ibid.*

²⁶²*Ibid.*

²⁶³*Ibid.*, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

²⁶⁴Nor Azamir Alias, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, sempena kunjungan Pusat Pemikiran & Kefahaman Islam (CITU) UiTM Melaka ke Jabatan Mufti Negeri Sembilan Temubual : 8 April 2013.

sebagainya yang boleh mengelirukan sehingga boleh mengakibatkan masyarakat terjebak dalam senario ini tanpa disedari.²⁶⁵

Selain fungsi Jabatan Mufti sebagai kilang atau bank pengeluar fatwa, fungsi yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) juga adalah penting, malahan jauh lebih besar dan meluas daripada itu. Fungsi Jabatan Mufti adalah lebih berkisar tentang fatwa sahaja, sedangkan fungsi MAIN melibatkan keseluruhan operasi dan pelaksanaan zakat.²⁶⁶ Walau bagaimanapun, peranan yang dimainkan oleh kedua-dua organisasi dalam isu kajian adalah sangat penting dan melengkapi antara satu sama lain. Fungsi Jabatan Fatwa tidak akan lengkap sekiranya tidak bersama organisasi zakat seperti LZS (MAIS) dan Pusat Zakat Melaka (PZM) bagi menyalurkan maklumat tentang zakat, dan seterusnya membuat kajian kepelbagaian persoalan hukum berkaitannya yang masih belum difatwakan. Sepertimana Jabatan Mufti memerlukan bantuan dan kerjasama LZS (MAIS) dan PZM dalam isu-isu tertentu, maka begitu juga dengan LZS (MAIS) dan PZM yang memerlukan Jabatan Mufti bagi tujuan penguat-kuasaan hukum-hukum zakat melalui proses pewartaan fatwa, dan berkaitan dengan apa yang sedang dilaksanakan. Atas dasar itu, pandangan dan pendapat daripada kedua-dua organisasi tersebut perlu diambil kira sebelum sesuatu ketetapan hukum tentang isu zakat hendak dikeluarkan dan difatwakan di negeri masing-masing.²⁶⁷

Dalam persoalan zakat, peranan yang dimainkan oleh LZS (MAIS) dan Pusat Zakat Melaka (PZM) tidak boleh diketepikan, kerana kedua-dua organisasi berkenaan lebih arif tentang isu tersebut disebabkan terlibat secara langsung dalam soal pengoperasian dan pelaksanaan. Walau bagaimanapun, hakikat sebenar kedudukan pengurusan zakat sama ada

²⁶⁵Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. *Op.cit.*

²⁶⁶*Ibid.*, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

²⁶⁷Temubual Pegawai-Pegawai Organisasi Zakat di Selangor dan Melaka. Mohd Fariz Abdul Razak, Eksekutif Penyelidikan Syariah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS) Temubual 20 Jun 2013, Abdullah Ahmad Senin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Selangor. Temubual 11 Mac 2014. Mohd Nazri Abdul Majid, Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Buhuth, Jabatan Mufti Melaka. Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014. Noorzakry Nor Jamal, Penolong Pengurus Bahagian Penyelidikan, Pusat Zakat Melaka (PZM) Temubual 13 Jun 2013.

melibatkan kutipan atau agihan adalah tertakluk di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sepertimana yang termaktub dalam enakmen.²⁶⁸ Peranan MAIN bukan sahaja melibatkan pengurusan zakat semata-mata, malah mencakupi keseluruhan pentadbiran Agama Islam di sesebuah negeri.²⁶⁹ Tanpa peranan MAIN, segala urusan berkaitan agama Islam akan terganggu dan tergendala disebabkan oleh pelbagai karenah yang perlu dihadapi jika tidak mempunyai kuasa undang-undang. Natiyah dari kuasa undang-undang yang diberikan kepada MAIN pada masa dahulu adalah merupakan satu perjuangan yang telah berjaya mengangkat dan memartabatkan institusi agama di bumi Malaysia. Hasil usaha gigih ini juga telah mencetuskan pelbagai aura dan dimensi baru terhadap pembangunan dan perkembangan Islam di Malaysia yang melibatkan pelbagai sektor seperti pendidikan, perbankan, penerbitan, penyiaran dan sebagainya.

3.2 PENTADBIRAN ZAKAT DI SELANGOR

Charles A. Beard, seorang ahli sejarah politik telah menyatakan dalam salah satu karyanya yang diambil oleh Albert Lepawsky melalui bukunya *Administration*, yang dinukilkan oleh Sondang P. Siagian²⁷⁰ bahawa beliau mengungkapkan seperti berikut:

*“Tidak ada satu hal dalam abad moden sekarang ini yang lebih penting dari pentadbiran. Pengekalan pemerintahan yang beradab dan malahan pengekalan dari peradaban itu sendiri bergantung kuat ke atas kemampuan kita untuk membina dan mengembangkan suatu falsafah pentadbiran yang mampu memecahkan masalah-masalah masyarakat.”*²⁷¹

Sarjana Amerika James Burnham pula dalam menghuraikan kepentingan pengurusan dengan mengatakan bahawa:

“Revolusi politik dan sosial akan timbul dan akan diselesaikan, akan tetapi terdapat revolusi pada abad moden ini yang tidak mungkin selesai iaitu revolusi

²⁶⁸Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. *op.cit.*

²⁶⁹*Ibid.*

²⁷⁰Sondang P. Siagian (1981), *Falsafah Pentadbiran Dan Pengurusan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa &Pustaka. h. 1.

²⁷¹Albert Lepawsky (1960), *Administration*, Alfred A. Knopf. New York. Dinukilkan oleh Sondang P. Siagian (1981), *Falsafah Pentadbiran Dan Pengurusan*, DBP. h. 1.

pengurusan yang akan menimbulkan suatu kelas terpenting dalam masyarakat iaitu kelas pengurusan (the managerial class). ”²⁷²

Jika pendapat-pendapat ini dianalisa dengan lebih mendalam, maka kesimpulan yang boleh diambil adalah bahawasanya jatuh bangun sesebuah negara, atau maju mundurnya sesebuah peradaban manusia, atau timbul tenggelamnya bangsa-bangsa di dunia, adalah bukan disebabkan oleh peperangan atau malapetaka, tetapi bergantung kepada baik buruknya sistem pentadbiran yang dimiliki.²⁷³ Mengikut prosedur pengurusan zakat di Malaysia, segala bentuk amalan pengendalian zakat, sama ada melibatkan skop agihan atau kutipan dan skop-skop berkaitan yang lain adalah tertakluk kepada bidang kuasa dan tanggungjawab negeri-negeri.²⁷⁴ Begitu juga dengan bidang kuasa yang diberikan kepada seseorang Mufti. Authoriti yang ada pada Mufti yang dilantik hanya melibatkan urusan agama di dalam negerinya sahaja dan tidak boleh mengeluarkan fatwa untuk kegunaan negeri-negeri yang lain kerana setiap negeri mempunyai Muftinya yang tersendiri.²⁷⁵ Kebanyakan negeri di Malaysia meletakkan urusan dan pentadbiran zakat di bawah Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Majlis Agama Islam Negeri pula terletak di bawah kuasa Yang Dipertuan Agong dan Tuanku Sultan yang bertanggungjawab selaku Ketua Agama di atas segala urusan berkaitan hal ehwal Islam termasuk pengendalian urusan zakat di negeri terbabit.²⁷⁶ Di Selangor, segala urusan dan pentadbiran zakat adalah terletak di bawah kuasa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).²⁷⁷ Majlis Agama Islam Selangor atau singkatannya MAIS adalah merupakan sebuah entiti pertubuhan perbadanan (*a body*

²⁷²*Ibid.* Albert Lepawsky (1960).

²⁷³Sondang P. Siagian (1981). *Falsafah Pentadbiran Dan Pengurusan*, DBP. *Op.cit.* h. 1.

²⁷⁴Ahmad Shahir Makhtar, Adibah Abdul Wahab (2010), *Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam 2010 anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM, 14 Julai 2010, di Bilik Senat, Bangunan Canselori, UKM.

²⁷⁵Ahmad Hidayat Buang (2005), *op.cit.*

²⁷⁶Federal Department Of Information, Malaysia (1968), *Malaysia Official Year Book 1966*, Kuala Lumpur: Government Printer. Volume 6, h. 63; Ahmad Shahir Makhtar, Adibah Abdul Wahab (2010), *op.cit.*

²⁷⁷Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, *op.cit.* Secara umumnya berdasarkan sejarah pengurusan zakat di Malaysia, Menurut Siti Mashitoh Mahmood yang menukulkan dari Winstedt, R.O (1928) JMBRAS Vol.VI, Pt.II, 1928, h. 28 dalam kertas kerja bertajuk: *Sistem Perundangan Zakat Di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan*, menyatakan bahawa Sistem Perundangan Zakat di negara ini dipercayai telah pun wujud semenjak pertapakan Islam di Tanah Melayu lagi. Peruntukan undang-undang mengenainya telah dikanunkan di samping perkara-perkara lain mengenai hukum syarak. Antara bukti terawal mengenainya adalah peruntukan Fasal 3 (Bab 2: Tembera Dato Seri Paduka Tuan 1078 S.H., 1667 A.D.) Undang-undang Kedah.

corporate) yang menjalankan perkara-perkara dan urusan-urusan agama Islam di Selangor. Ia ditubuhkan pada tahun 1952 di bawah peruntukan undang-undang *section 5 Constitution of Majlis (Enactment No. 3 Of 1952) Administration Of Muslim Law Enactment 1952. 10 October 1952*. Sebelum dinamakan sebagai MAIS atau Majlis Agama Islam Selangor, ia telah diberi nama sebagai “Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor” atau di dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *Council of Religion and Malay Customs Selangor*.²⁷⁸

Seterusnya nama dan identiti pertubuhan ini telah diubah dan ditukar menjadi Majlis Agama Islam Selangor sebagaimana yang termaktub di dalam enakmen di bawah seksyen 4 Penubuhan Majlis, dan seksyen 5 Identiti di sisi undang-undang dan fungsi majlis, Bahagian II – Majlis Agama Islam Selangor, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003²⁷⁹. Enakmennya adalah seperti berikut:

Seksyen 4(1):

“Maka hendaklah ada suatu badan bernama ‘Majlis Agama Islam Selangor’ untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”

Seksyen 4(2):

“Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, Majlis Agama Islam Selangor yang wujud sebelum permulaan kuat kuasa itu menurut kuasa Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan sebagai majlis yang disebut dalam subseksyen (1).”

Seksyen 5(1):

“Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis dan sehingga satu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Majlis.”

Dari sudut peranan pula, Majlis Agama Islam adalah merupakan sebuah institusi yang bertanggungjawab terhadap segala urusan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam bagi

²⁷⁸Section 5, Enactment No. 3 Of 1952, Administration Of Muslim Law Enactment 1952.

²⁷⁹Bahagian II, Majlis Agama Islam Selangor, Enakmen 1 tahun 2005, Seksyen 5(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

negeri-negeri di Malaysia. Setiap negeri akan diketuai oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Menurut amalan di Selangor, semua urusan pentadbiran agama Islam adalah diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), begitu juga dalam perkara yang melibatkan pengurusan zakat. Selain bertindak sebagai penasihat kepada Tuanku Sultan dalam hal-hal agama, MAIS juga berfungsi sebagai penggubal dasar yang menjurus kepada pentadbiran agama Islam di Selangor.²⁸⁰

Menurut Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab (2010), dalam usaha untuk memperkasakan pengurusan zakat di Selangor, MAIS telah memperkenalkan satu sistem pengkorporatan yang baharu dan lebih efisien bagi menggantikan kaedah pengurusan yang sudah lama digunakan. Ia adalah merupakan suatu sistem tersendiri yang diperkenalkan oleh MAIS bagi memaju dan mempertingkatkan kualiti pengurusan zakat seiring dengan peredaran zaman dan tuntutan semasa. Ia dimanifestasikan melalui perantaraan sebuah badan khas yang diberi kuasa oleh MAIS bagi menguruskan kutipan dan agihan zakat menurut spesifikasi yang telah ditentukan oleh MAIS supaya menjadi lebih profesional dan berkembang. Tujuan utama sistem ini diperkenalkan adalah untuk mempertingkatkan jumlah kutipan zakat di Selangor supaya dapat diagihkan dengan lebih meluas dan meliputi lebih banyak kumpulan sasaran. Hasil dari pelaksanaan sistem pengkorporatan tersebut, LZS (MAIS) telah beberapa kali dinobatkan sebagai institusi yang berjaya mencapai kutipan zakat tertinggi berbanding negeri-negeri yang lain.²⁸¹ Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, dapat dirumuskan bahawa sistem pengendalian zakat yang dilaksanakan oleh LZS (MAIS) telah meletakkan organisasi tersebut sebagai contoh dan ikutan kepada organisasi zakat di negeri yang lain. Malah jika ditinjau secara keseluruhan pengurusan zakat yang dikendalikan oleh negeri-negeri, maka terbukti Malaysia adalah merupakan antara negara terbaik dalam konteks pengurusan zakat jika dibandingkan dengan negara yang lain. Ini

²⁸⁰Ahmad Hidayat Buang (2005). *Op.cit.*

²⁸¹Ahmad Shahir Makhtar, Adibah Abdul Wahab (2010). *Op.cit.*

dapat dilihat daripada pandangan yang dikemukakan oleh Mohd Shukri Salleh²⁸² yang berpendapat seperti berikut:

*Pengurusan zakat di Malaysia lebih kehadapan berbanding negara-negara yang lain. Bahkan pengurusan institusi zakat di Malaysia sendiri, jika dibandingkan dengan pengurusan zakat 'traditional' suatu ketika dahulu, sudah banyak kemajuannya. Walau bagaimanapun, masih banyak yang perlu diperbaiki dan diperkemaskan. Menurut beliau, dalam isu zakat, ada beberapa negeri yang terhadapan seperti Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang disebabkan oleh faktor profesionalisme dan budaya korporat yang dibawa di dalam organisasi zakat.*²⁸³

Dari sudut organisasi, Lembaga Zakat Selangor adalah merupakan sebuah perbadanan yang diberi mandat oleh MAIS untuk menguruskan zakat yang melibatkan kutipan dan agihan. Tidak semua negeri memberikan mandat yang sama kepada anak syarikat yang dilantik. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah merupakan perintis yang memelopori dasar ini setelah menubuhkan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) pada tahun 1991. Kemudiannya diikuti oleh beberapa negeri yang lain termasuk MAIS yang mula mengasaskan Pusat Zakat di awal penubuhannya di Selangor. Langkah pengkorporatan ini juga diambil dan dilaksanakan oleh Pulau Pinang dengan penubuhan Pusat Urus Zakat (PUZ), seterusnya PKZ di Pahang, PZNS di Negeri Sembilan dan PZM di Melaka.²⁸⁴ MAIN sendiri tidak tertakluk kepada perlaksanaan dasar pengkorporatan ini, malah bebas dan diberi pilihan untuk menentukan pengurusan zakat mengikut situasi dan kesesuaian negeri masing-masing.²⁸⁵

Mengikut kronologi sejarah pengurusan zakat di Selangor, sebelum dikenali sebagai LZS (MAIS), ia dikenali sebagai Pusat Zakat Selangor (PZS) yang ditubuhkan pada 15

²⁸² Mohd Shukri Salleh, Pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM).

²⁸³ Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Majalah Asnaf, Terbitan 1/2012. h. 6.

²⁸⁴ Ahmad Shahir Makhtar, Adibah Abdul Wahab (2010). *op.cit.*

²⁸⁵ MAIN diberi kuasa menurut enakmen untuk melantik anak syarikat sendiri bagi menguruskan zakat supaya menjadi lebih maju dan berkembang bagi memperluaskan empayar agihan kepada segenap lapisan masyarakat yang berkelayakan. Namun secara realitinya, tidak semua MAIN yang melaksanakan dasar ini bagi tujuan tersebut. Ada yang masih menguruskannya sendiri. Ada yang hanya memberi kuasa kutipan sahaja kepada anak syarikat seperti MAIM. Ada juga yang memberi kuasa sebaliknya dan ada juga yang memberi kuasa penuh agihan dan kutipan seperti MAIS.

Februari 1994. Bidang kuasa yang diberikan oleh MAIS adalah untuk menguruskan zakat di Selangor dan didaftarkan dengan nama anak syarikat MAIS ZAKAT SDN. BHD. Bermula dengan 8 orang kakitangan yang menjalankan operasi di Ibu Pejabat pertama yang terletak di seksyen 14, Petaling Jaya. Seterusnya pada 30 Oktober 1996 nama organisasi telah ditukarkan dari PPZ (Pusat Pengurusan zakat) kepada Pusat Zakat Selangor (PZS) dan berpindah pula ke lokasi baru di Seksyen 9, Shah Alam pada pertengahan tahun 1997.²⁸⁶

Pada 1 Januari 1998, PZS telah diserapkan menjadi satu entiti dengan nama Bahagian Agihan Zakat. Kemudian, pada 1 Mei 2000 Ibu Pejabat ini berpindah lagi ke Kompleks MAIS Klang bagi memperkembangkan dan memperkasakan pengurusan zakat di Selangor. Kejayaan ini dapat diukur dengan peningkatan prestasi kutipan daripada RM15 juta pada awal penubuhan, seterusnya menjangkau kepada lebih RM100 juta pada tahun 2005. Peranan dan kepercayaan yang diberikan kepada organisasi ini telah membentuk satu organisasi zakat yang berwibawa sehingga pernah melahirkan usahawan berjaya dari kalangan asnaf fakir dan miskin. Pada tahun 2006, PZS (MAIS) telah dinaiktaraf menjadi sebuah entiti yang lebih besar dan dihormati yang diberi nama Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS²⁸⁷ yang mempunyai profil, visi dan misi yang tersendiri.²⁸⁸ Berhubung dengan pencapaian yang dikecapi oleh LZS (MAIS), Timbalan Pengurus Besar Agihan LZS (MAIS) Adibah Abdul Wahab²⁸⁹ telah menyatakan seperti berikut:

“Lembaga Zakat Selangor (LZS) tidak pernah meletakkan dirinya sebagai benchmark kepada mana-mana institusi zakat lain di Malaysia. Peranan LZS tetap sama sepertimana institusi zakat yang lain, iaitu diberi amanah dan tanggungjawab untuk menguruskan kutipan dan agihan zakat di Selangor. Peranan ini umumnya adalah sama sahaja dengan semua Pusat Zakat yang lain. Namun begitu, sejak pengurusan zakat di Selangor ini digalas oleh LZS

²⁸⁶Mohd Fariz Abdul Razak, Eksekutif Penyelidikan Syariah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temubual 20 Jun 2013.

²⁸⁷*Ibid.*

²⁸⁸Menurut Ahmad Shahir Makhtar, Pengurus Besar LZS (MAIS), Profil Lembaga Zakat Selangor adalah seperti berikut: “Ditubuhkan di bawah Akta Pemegang amanah (Pemerbadanan) 1952.” Visi LZS: “Menjadikan organisasi terunggul dalam menerajui kecemerlangan pengurusan zakat bertaraf dunia.” Misi LZS: “Mengurus dan memanfaatkan potensi kutipan dan agihan dengan efisien, efektif dan berkualiti kepada umat Islam di Selangor berdasarkan nilai-nilai terpuji, selaras dengan tuntutan syarak untuk mencapai keseimbangan sosio ekonomi ummah.”

²⁸⁹Adibah Abdul Wahab, Timbalan Pengurus Besar Agihan, Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (LZS – MAIS).

atau dahulunya dikenali dengan nama Pusat Zakat Selangor (PZS), LZS tidak menoleh ke belakang lagi. Malah LZS terus berusaha memperkasakan pelbagai aspek, bukan sahaja kutipan zakat tetapi juga agihannya. Jika di peringkat awal penubuhannya, LZS memfokuskan kepada membudayakan amalan berzakat di kalangan masyarakat, kini LZS lebih menekankan usaha untuk memperkasakan pengagihan zakat di Selangor. Justeru itu, banyak usaha yang akan, telah dan sedang dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat tersebut. Di LZS budaya proaktif, komitmen, kreatif, dan inovatif sentiasa diterapkan ke segenap lapisan organisasi bagi menggarap amanah pengurusan yang lebih cemerlang.”²⁹⁰

Jadual 3.1: Kronologi Penubuhan Lembaga Zakat Selangor (MAIS)²⁹¹

TAHUN	PERISTIWA DAN KRONOLOGI
1994	Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIS) mula didaftarkan dengan nama MAIS Zakat Sdn. Bhd.
1995	PPZ MAIS memulakan operasi sepenuhnya meliputi penggunaan perisian komputer dan resit zakat berkomputer. Beroperasi di Seksyen 14 Petaling Jaya
1996	Nama Pusat Pungutan Zakat MAIS ditukar kepada Pusat Zakat Selangor atau dikenali PZS (MAIS)
1997	Ibu pejabat PZS (MAIS) berpindah ke Seksyen 9, Shah Alam
1998	Mendapat mandate kutipan zakat fitrah dan padi. Pusat Agihan Zakat diserapkan ke dalam PZS (MAIS)
2000	Ibu pejabat PZS (MAIS) dipindahkan ke kompleks MAIS, Klang.
2004	Ibu pejabat berpindah ke Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam. Menerima anugerah kualiti MS ISO 9001:2000
2006	PZS (MAIS) bertukar kepada Lembaga Zakat Selangor (MAIS).

Sementara itu, Menurut Haji Ahmad Shahir Makhtar selaku Pengurus Besar LZS (MAIS), objektif pengkorporatan pengurusan zakat di Selangor adalah seperti berikut²⁹²:

- Memantapkan pengurusan institusi zakat
- Melicinkan pentadbiran, pungutan dan agihan
- Mencapai kecekapan yang optimum dan kos minimum
- Membentuk imej baru institusi zakat
- Menjadi role model
- Mengembalikan keyakinan rakyat.

²⁹⁰Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Majalah Asnaf, Terbitan 1/2012. *op.cit.*

²⁹¹Ahmad Shahir Makhtar (2007), *Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*, Persidangan Cukai & Zakat Kebangsaan, PWTC; Ahmad Shahir Makhtar, Adibah Abdul Wahab (2010), *Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran*.

²⁹²*Ibid.*, Ahmad Shahir Makhtar (2007).

3.2.1 Tanggungjawab MAIS

Tanggungjawab yang harus dipikul oleh jabatan ini adalah merangkumi bidang tugas yang terkandung dalam peruntukan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952), yang menyenaraikan 10 bidang kuasa MAIS dan terdapat beberapa penambahan bidang kuasa dalam enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.²⁹³ Di antara bidang kuasa Majlis adalah²⁹⁴:

- i. Majlis Agama Islam berkuasa menjadi pewaris harta pusaka dan wakil amanah
- ii. Majlis berkuasa menjalankan aktiviti kemorsial dan perindustrian.
- iii. Majlis berkuasa menjalankan aktiviti komersial tersebut melalui bantuan kewangan.
- iv. Majlis berkuasa menjalankan kegiatan komersial dan usahasama
- v. Majlis berkuasa membuat pelaburan
- vi. Majlis berkuasa menubuhkan sekolah Islam, institut latihan dan penyelidikan Islam.
- vii. Majlis berkuasa menubuhkan perbadanan dan anak syarikat.
- viii. Majlis berkuasa membuat pinjaman
- ix. Majlis berkuasa melantik jawatankuasa dan pegawai untuk membantu dan menunaikan kewajipannya.
- x. Majlis berkuasa menentukan tatacara dan amalannya sendiri.
- xi. Majlis berkuasa menubuhkan, mengurus dan mengawal rumah-rumah kebajikan untuk anak yatim

²⁹³Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. *op.cit.*

²⁹⁴*Ibid.*

- xii. Majlis berkuasa menubuhkan pinjaman pendidikan Tinggi
- xiii. Majlis berkuasa melakukan segala perbuatan yang sesuai dan bermanfaat.²⁹⁵

Berdasarkan peruntukan dari point no. vii iaitu Majlis berkuasa menubuhkan perbadanan dan anak syarikat, maka MAIS dalam pengurusan zakat telah menyahut seruan ini dengan melantik Lembaga Zakat Selangor (LZS-MAIS) sebagai anak syarikat yang berdaftar di bawah organisasinya, bagi menjalankan pengurusan ibadah zakat dari semua aspek termasuk promosi, agihan dan kutipan.²⁹⁶

3.2.2 Strategi MAIS

Dalam mentadbir pengurusan hal ehwal Islam secara keseluruhan, iaitu selaku sebuah organisasi yang bertanggungjawab penuh dalam memartabatkan Islam dan memelihara kepentingan umat Islam di Selangor, maka MAIS telah merangka beberapa strategi untuk dilaksanakan oleh semua jabatan di bawahnya. Bertujuan untuk memberi perhatian kepada segala misi yang ditetapkan dan menjayakan segala visi yang ingin dicapai oleh organisasi. Visi yang menjadi matlamat MAIS adalah untuk menjadi sebuah organisasi (perbadanan) Islam yang teguh, berwibawa, dihormati, dan dijadikan organisasi Islam contoh pada tahun 2025. Misi yang sedang berjalan di MAIS pula adalah membangunkan ummah melalui pembentukan masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakhlak, ekonomi yang perkasa, usaha-usaha dakwah yang berkesan, pengurusan harta yang cekap, dan institusi agama yang proaktif.²⁹⁷ Selain strategi, MAIS juga telah merancang pelbagai aktiviti dan program bagi setiap strategi-strategi tersebut. Berikut adalah merupakan strategi dan aktiviti-aktiviti yang dirancang di bawahnya.²⁹⁸

- i. Pembentukan masyarakat beriman, berilmu dan berakhlak mulia melalui program-program berikut :

²⁹⁵ *Ibid.* Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor.

²⁹⁶ Lembaga Zakat selangor (MAIS), dicapai pada 1 April 2013, <http://www.e-zakat.com.my>

²⁹⁷ Majlis Agama Islam Selangor, dicapai pada 15 Mac 2013, <http://www.mais.net.my>.

²⁹⁸ *Ibid.*

- Teknologi maklumat berinovasi dan komunikasi berkesan.
 - Pengurusan kualiti menyeluruh.
 - Pengurusan sumber manusia yang terlatih dan berinovasi.
 - Pusat sumber MAIS yang lengkap.
- ii. Memajukan ekonomi yang perkasa melalui program-program berikut :
- Pembangunan hartanah MAIS yang stabil dan kukuh.
 - Penyelidikan dan pembangunan skim saham wakaf dan hartanah MAIS yang berdaya maju.
 - Penyelenggaraan hartanah MAIS yang konsisten dan bersistem.
- iii. Melaksanakan usaha-usaha dakwah yang berkesan melalui program-program berikut:
- Dakwah yang global dan mesra.
 - Keprihatinan pesakit di Hospital.
 - Sistem penyampaian yang kemas dan pembinaan imej yang dicontohi.
 - Pengembangan dan kawalan aqidah saudara baru.
- iv. Memastikan pengurusan harta yang cekap melalui program-program berikut :
- Perbelanjaan yang berhemah.
 - Pengauditan yang berjadual dan berkesan.
 - Penyediaan belanjawan yang terancang.
 - Pematuhan amalan yang berhemah.
- v. Mewujudkan pengurusan institusi agama yang proaktif melalui program-program berikut :
- Pemurnian akidah dan perlindungan wanita yang prihatin, mesra dan menyeluruh.
 - Kesedaran dan Kefahaman Undang-undang Syariah dan Sivil.²⁹⁹

²⁹⁹*Ibid.*

3.3 INSTITUSI ZAKAT DI MELAKA

Majlis Agama Islam Melaka atau singkatannya MAIM telah ditubuhkan dengan rasminya pada tanggal 28 September 1960. Ia ditubuhkan bertujuan menjaga kepentingan umat Islam dalam urusan agama, khusus untuk rakyat dan masyarakat Islam di negeri Melaka.³⁰⁰ Di samping itu, tugas utama MAIM ialah menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Agama Islam bagi negeri Melaka dan juga negeri-negeri lain yang tidak mempunyai Sultan seperti Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, berkaitan perkara-perkara dalam hal ehwal agama di sana.³⁰¹ Penubuhan Majlis Agama Islam Melaka adalah berdasarkan kepada enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Seksyen 4 ceraian 1.³⁰² Di samping itu, MAIM juga merupakan pembuat dasar bagi Jabatan Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah Melaka sesuai dengan objektif yang diketengahkan olehnya seperti berikut³⁰³:

- i. Mendorong dan menggerakkan masyarakat ke arah peningkatan ilmu dan amalan yang cemerlang sesuai dengan tujuan mewujudkan masyarakat yang berdaya maju, berakhlak dan bercita-cita tinggi berasaskan syariat Islam.
- ii. Menjadikan MAIM sebagai organisasi penyatu ummah dan rujukan masyarakat Islam dalam permasalahan yang timbul.
- iii. Menjalinkan perpaduan kaum di kalangan masyarakat berbilang kaum bangsa, agama dan budaya melalui dakwah yang berkesan dan mantap.
- iv. Memaju dan membangunkan Baitulmal untuk memantapkan ekonomi secara berperancangan yang rapi dan berhati-hati dalam bidang pelaburan, pembinaan dan perniagaan yang tidak bercanggah dengan syarak.

³⁰⁰Majlis Agama Islam Melaka, dicapai pada 1 April 2013, <http://www.maim.gov.my>.

³⁰¹Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Seksyen 4 ceraian 1.

³⁰²*Ibid.* Kandungan enakmen adalah seperti berikut: “Maka hendaklah ada satu badan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam Melaka untuk membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara berhubung agama Islam.”

³⁰³Majlis Agama Islam Melaka, dicapai pada 1 April 2013, <http://www.maim.gov.my>, *op.cit.*

- v. Membangun dan mengembangkan institusi zakat untuk manfaat masyarakat Islam.

Berdasarkan kepada objektif ketujuh penubuhan MAIM, maka dapat dilihat bahawa pengurusan zakat di Melaka adalah jelas tertakluk di bawah bidang kuasa MAIM. Walau bagaimanapun, kuasa tersebut telah diberikan kepada Pusat Zakat Melaka (PZM), selaku anak syarikat untuk mengendalikan pentadbiran zakat di Melaka supaya ia dapat diuruskan dengan lebih fokus, di mana kutipan dapat ditingkatkan dan berkembang bagi memperluaskan bantuan kepada asnaf dengan dana yang lebih mantap. Sekalipun perlaksanaan zakat di Melaka dan Selangor kelihatan hampir sama kerana kedua-duanya menggunakan khidmat anak syarikat, namun kuasa yang diberikan kepada anak syarikat yang dilantik adalah berbeza.

Pusat Zakat Melaka atau singkatannya PZM telah ditubuhkan pada tahun 1996 dan diamanahkan oleh MAIM untuk lebih giat menjalankan pengurusan zakat secara professional, bagi memungut dan mengagihkan zakat secara efektif dan lebih sistematik serta berkesan untuk menjadikan zakat sebagai pemangkin kepada ekonomi dunia Islam di Melaka. Sebelum penubuhan PZM, segala urusan berkaitan zakat diuruskan oleh Lembaga Wakaf, Zakat dan Baitulmal (MAIM) dengan menumpukan skop tugas menguruskan dan mengagihkan berdasarkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1959.³⁰⁴

Enakmen ini diwujudkan untuk menggantikan kaedah tradisional sebelum ini di mana guru agama adalah merupakan individu yang diamanahkan untuk menjadi perantara bagi mengutip zakat dan mengagihkannya kepada masyarakat yang berkelayakan. Bermula tahun 1993, sistem zakat telah diperkemaskan dengan peranan yang dimainkan oleh Kaunter Zakat Berkomputer (KZB) yang telah diperkenalkan tetapi masih mengekalkan skop tugas yang sama. Hasil ledakan perkembangan teknologi komputer pada masa itu, maka KZB terus berkembang dengan kewujudan lima lagi cawangan pengurusan zakat, iaitu di Alor Gajah,

³⁰⁴ *Ibid.*, Majlis Agama Islam Melaka, dicapai pada 1 April 2013, <http://www.maim.gov.my>.

Jasin, Merlimau, Melaka Tengah, dan di Bangunan Graha Maju. Penambahan cawangan ini adalah bertujuan untuk memudahkan pembayar zakat menunaikan tanggungjawab mengeluarkan zakat tanpa perlu bersesak-sesak di tempat sebelum ini. Di samping itu juga, peningkatan sistem melalui kewujudan pengkalan data amat membantu dan memudahkan pembayar zakat untuk membayar zakat dengan lebih sistematik.³⁰⁵

Nama KZB hanya bertahan selama tiga tahun dan ditukarkan kepada nama lain yang lebih berwibawa, iaitu Pusat Zakat Melaka atau PZM, untuk menunjukkan komitmen MAIM dalam usaha mempertingkatkan sistem sedia ada ke arah lebih professional bagi meningkatkan kualiti pengurusan zakat dari semasa ke semasa. Hasilnya, kutipan zakat di Melaka terus bertambah setiap tahun dan dapat memenuhi keperluan asnaf yang ada. Tanggal 1 April 2001 adalah detik bersejarah di mana PZM telah dikorporatkan dan skop tugas telah dipecahkan di mana PZM diamanahkan untuk menguruskan kutipan sahaja, manakala urusan pengagihan masih diletakkan di bawah bidang tugas Baitulmal MAIM. Kini PZM mempunyai empat cawangan iaitu di Alor Gajah, Merlimau, Jasin dan Masjid Tanah dan beroperasi untuk memastikan sistem kutipan zakat sedang dilaksanakan dapat diselenggarakan dengan lebih cekap dan teratur melalui pelbagai kempen dan promosi yang berkesan bagi memberi pendedahan, pengetahuan dan kesedaran kepada umat Islam tentang tuntutan menunaikan fardhu zakat yang merupakan kewajipan mutlak setiap muslim yang berkemampuan dan memenuhi syarat.³⁰⁶

3.4 'URF SEBAGAI ASAS IJTIHAD

Halal atau haram harta kekayaan yang dimiliki, adalah merupakan suatu perkara penting yang perlu dimuhasabah dan diawasi oleh setiap individu dalam konteks kehidupan kita sebagai umat Islam. Lantaran itu, kita harus sentiasa berwaspada dan berdoa dengan hati yang penuh yakin dan ikhlas supaya dapat dijauhkan daripada perkara-perkara haram yang boleh membawa ke neraka. Dari aspek hukum, halal atau haramnya sesuatu perkara tidak

³⁰⁵ *Ibid.*,Majlis Agama Islam Melaka, dicapai pada 1 April 2013, <http://www.maim.gov.my>.

³⁰⁶ *Ibid.*

semestinya berlaku kepada makanan atau minuman semata-mata, malah ia juga boleh berlaku kepada aspek-aspek yang lain seperti pemakaian, pekerjaan, perhiasan dan sebagainya. Dari sudut penampilan, emas adalah merupakan satu perhiasan yang diharuskan oleh syarak kepada wanita semata-mata, dan haram atas lelaki untuk memakainya.³⁰⁷ Sekalipun haram atas lelaki memakainya, namun jika memilikinya, wajib atas lelaki untuk mengeluarkan zakat sama seperti emas simpanan.³⁰⁸ Islam tidak membenarkan lelaki menggunakan emas dan kain sutera bagi kegunaan sendiri berpandukan kepada dalil yang disepakati oleh para ulama berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Ibn Mājah dengan sanad yang *hasan* dan *sahih* seperti berikut:

عن أبي موسى الأشعري رضي الله عنه, ان رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: حرم لباس الحرير والذهب على ذكور امتي, واحل لاناتهم

“*Daripada Abu Musa al-Asy’ari (r.a.), Sesungguhnya Rasulullah saw telah bersabda: Diharamkan penggunaan pakaian sutera dan emas bagi lelaki umatku dan ia dihalalkan bagi perempuan di kalangan mereka.*”³⁰⁹

Bersumberkan kepada dalil al-Hadith di atas, ternyata bahawa emas adalah merupakan suatu perhiasan yang disyariatkan oleh Allah SWT hanya kepada kaum wanita sahaja secara khusus tanpa perlu mengeluarkan zakatnya.³¹⁰ Begitulah realiti ajaran yang ditonjolkan oleh Islam sebagai agama yang mempelopori kebebasan dan toleransi terhadap penganutnya.³¹¹

³⁰⁷ Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali al-Syarbajī (1992), *al-Fiqh al-Manhajī ‘ala Mazhab al-Imām al-Syafi’i*, Damsyik: Dār al-Qalam, c. 4, j. 2. h. 94. Abī Zakariyyā Yahya bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyqī (2000), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, Tahqīq: ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 121.

³⁰⁸ *Ibid.*

³⁰⁹ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, Ta’līq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, No. Hadith 3595, h. 599. al-Tirmizi, al-Imām al-Ḥāfiẓ Muḥammad bin ‘Isa bin Sūrah (1417H.) *Sunan al-Tirmizi*, Ta’līq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, Hadith No. 1720, h. 401. *Ibid.* Abī Zakariyyā Yahya bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyqī (2000).

³¹⁰ Berdasarkan kepada hujah dan pendapat dari Juhum ulama mazhab kecuali Hanafi yang berdalikan hadith Nabi saw bersabda : ليس في الحلي زكاة yang bermaksud: “*Tidak dikenakan zakat pada perhiasan*”. (*Hadith riwayat al-Baihaqi dan al-Daraqutni*). Abī Zakariyyā Yahya bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyqī (1996), *al-Majmu‘*, Beirut: Dar al-Fikr, c. 1, j. 6, h. 32. al-Dāraqutnī, al-Imām al-Ḥāfiẓ ‘Alī bin ‘Umar (1996), *Sunan al-Dāraqutnī*, h. 92. Namun, sepertimana yang telah dibentangkan sebelum ini, bahawa asal hukum perhiasan emas menurut jumhur adalah harus tanpa zakat kecuali jika memakainya melebihi kebiasaan.

³¹¹ *Ibid.*, Abdul Monir Yaacob (1986), *Hak Asasi Manusia Menurut Islam*, hh. 64-76. Beliau menyatakan bahawa: “*kebebasan yang diberikan oleh Islam adalah bersifat terbuka dan terikat. Islam tidak memberikan kebebasan mutlak kepada penganutnya kerana kebebasan sebegitu akan dikuasai oleh hawa nafsu. Secara umum, Islam memberikan kebebasan yang luas meliputi kebebasan diri, kebebasan beragama, kebebasan berfikir, bersuara, beramal, bekerja dan sebagainya. Jaminan kebebasan ini meliputi segala aspek kehidupan*

Walau bagaimanapun, bagi membendung sikap-sikap negatif seperti boros, ujub, riak atau *sum'ah* ketika dalam berhias, maka Islam hadir dengan suatu hukum lain yang mengikat keharusan hukum tersebut supaya tidak melampaui batas. Kebanyakan ulama mewajibkan zakat atas emas yang dimiliki melebihi *'urf*, namun ada juga pandangan yang mengatakan bahawa perhiasan yang melebihi kadar normal adalah dilarang dan diharamkan serta tidak dibenarkan di dalam Islam sepertimana yang disebut oleh Abū Ḥamīd yang dinukil oleh Ibn. Qudāmah dalam kitab *al-Mughnī* (1997). Ibn Ḥamīd menyebut³¹²:

وقال ابن حامد : يباح ما لم يبلغ الف مثقال , فان بلغها حرم وفيه الزكاة.

“Telah berkata Ibn Hamid: “Bahawasanya perhiasan yang diharuskan kepada wanita adalah pada timbangan yang tidak melebihi 1000 mithqal. Mana-mana perhiasan yang dipakai oleh wanita pada timbangan 1000 mithqal, maka hukumnya adalah diharamkan, dan diwajibkan juga padanya zakat.”

Fakta ini adalah merupakan *qarinah* (dalil) yang menunjukkan bahawa agama Islam tidak ditegakkan dengan kebebasan mutlak yang boleh merosakkan manusia itu sendiri.³¹³ Pada dasarnya, semua skop hukum yang membicarakan perihal *'urf*, adalah melibatkan bidang fatwa dan ijtihad dari kalangan para ulama kerana tidak ada nas khusus yang menyatakan secara jelas tentang hukum tersebut.³¹⁴ Ijtihad adalah merupakan suatu proses *istinbat* hukum syarak yang diterima oleh ulama berdasarkan kepada dalil al-Quran³¹⁵ dan al-Hadith.³¹⁶ Di samping itu, ijtihad yang mendapat sokongan semua majoriti ulama pada

selagi ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Kebebasan tanpa sekatan hanya akan melahirkan kezaliman dan memecahkan perpaduan umat Islam.”

³¹²Ibn. Qudāmah (1997), *al-Mughnī*, Tahqīq: ‘Abd Allah ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī‘ Abd al-Fattāḥ Muḥammad, Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, c. 3, j. 4, h. 220.

³¹³Abdul Monir Yaacob (1986). *op.cit.* hh. 64-76.

³¹⁴Menurut al-Zuhaylī, Wahbah (1998), dalam kitabnya *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* bahawa “Ijtihad adalah merupakan suatu simbol atau realiti yang menyatakan tentang kesungguhan (seseorang mujtahid) dalam berusaha dengan mengosongkan pemikiran untuk memberi penumpuan dalam mencapai sesuatu dengan susah payah.” al-Zuhaylī, Wahbah (1998), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, c. 2, j. 1, Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 1072.

³¹⁵Allah SWT berfirman: “*Sesungguhnya pada demikian itu, terdapat ayat-ayat bagi orang-orang yang berfikir.*” Sūrah al-Nāhl (16) : 11. Berdasarkan ayat ini ulama menerimanya sebagai dalil ijtihad.

³¹⁶Rasulullah saw bersabda: “*Apabila seseorang hakim itu berhukum berdasarkan ijtihad, maka jika betul baginya dua ganjaran, jika ia berhukum berdasarkan ijtihad, kemudian ternyata ijtihadnya itu salah, maka baginya satu ganjaran.*” Hadith diriwayatkan oleh al-Bukhary, Muslim, Ahmad dan lain-lain merupakan hadith mutawatir dari sudut makna. *Ibid.*, al-Zuhaylī, Wahbah (1998), h. 1067. Berdasarkan hadith ini ulama menerimanya sebagai dalil ijtihad.

satu-satu masa pula dipanggil sebagai al-Ijmak.³¹⁷ Hanya orang-orang yang berautoriti sahaja yang berhak untuk berjihad kerana mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam mengeluarkan hukum supaya tepat dan selari dengan kehendak nas. Pengetahuan yang mendalam dan kebijaksanaan yang tinggi adalah merupakan kunci kepada bidang ijtihad. Dalam konteks kajian, penetapan hukum terhadap kadar *'urf* bagi zakat emas perhiasan tidak semudah yang difikirkan kerana melibatkan hukum yang perlu dihuraikan dengan alasan yang konkrit. Ia bukan sekadar menilai dengan pandangan mata kasar kemudian menentukan hukum dalam masa yang singkat. Penilaian *'urf* perlu diaplikasikan dengan berhati-hati menelusuri secara mendalam dan mencakupi segala fasal yang berkaitan hukum tersebut. Menurut MAIS,³¹⁸ hukum pemakaian emas di Selangor adalah seperti berikut:

*Pemakaian emas perhiasan bagi wanita Islam di negeri Selangor tidak dikhususkan jumlahnya dan ianya terpuang kepada kemampuan individu untuk memakainya. Akan tetapi, jika emas perhiasan yang dipakai melebihi kadar zakat emas perhiasan yang telah ditetapkan, maka wajib untuk dizakatkan sepertimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.*³¹⁹

Begitu juga pandangan yang sama diutarakan oleh Mohd Fariz Abdul Razak,³²⁰ bahawa hukum wanita memiliki emas untuk tujuan perhiasan dalam jumlah yang banyak adalah diharuskan selagimana tidak diniatkan untuk tujuan bermegah-megah di hadapan khalayak ramai. Sebaliknya, MAIS menetapkan hukum wajib mengeluarkan zakat jika emas yang dipakai melebihi kadar yang telah difatwakan. Fatwa tentang penetapan kadar *'urf* telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Selangor berasaskan pertimbangan dan penilaian terhadap beberapa aspek bagi mendapatkan kadar yang dirasakan paling adil untuk rakyat di negeri Selangor. Hukum yang ditetapkan juga telah mengambil kira pelbagai dalil dari nas dan juga *'urf* bagi mengimbangi antara meraikan hak-hak wanita dan aspek-aspek yang lain.

³¹⁷Muhammad Abū Zuhrah (2003), *Usūl al-Fiqh*, Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 176.

³¹⁸Berdasarkan surat yang ditandatangani oleh Mat Jais Kamos, Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor sebagai jawapan kepada surat yang dikirimkan oleh pengkaji. 11 Mac 2014

³¹⁹Jabatan Mufti Negeri Selangor, Lampiran Jawapan Temuramah 11 Mac 2014.

³²⁰Mohd Fariz Abdul Razak, Eksekutif Penyelidikan Syariah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temu bual 20 Jun 2013.

Natijah dari penilaian tersebut, maka kadar *'urf* yang disandarkan oleh MAIS adalah sederhana bersesuaian dengan faktor-faktor tertentu yang wujud di Selangor berbanding negeri-negeri yang lain.³²¹ Berdasarkan maklumat yang disalurkan, institusi yang diamanahkan untuk mengendalikan segala pentadbiran dan pengurusan zakat di negeri berkenaan adalah Lembaga Zakat Selangor yang ditubuhkan sendiri oleh MAIS. Ia diberi amanah untuk bertanggungjawab penuh bagi menjaga dan mengendalikan tadbir urus zakat dibawah pemantauan dan kuasa MAIS. MAIS adalah merupakan majikan kepada LZS. Manakala LZS pula adalah sebuah entiti atas nama anak syarikat MAIS yang dilantik khas untuk menguruskan hal ehwal zakat secara keseluruhan dan fokus. Selain MAIS, Jabatan Mufti Selangor juga adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab secara langsung membantu MAIS bagi menghasilkan fatwa semasa sebagai rujukan dalam pengurusan zakat di sana.³²² Tidak semua fatwa yang dikeluarkan dan diwartakan adalah hasil mutlak dari Jabatan Mufti secara keseluruhan. Malah sebahagian fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti adalah hasil kerjasama atau permintaan dari organisasi luar.³²³

Menurut Timbalan Mufti Negeri Sembilan Nor Azamir Alias,³²⁴ antara perkara yang menjadi keutamaan kepada Jabatan Mufti bagi mengeluarkan fatwa, adalah skop yang berkaitan dan berkisar tentang akidah. Akidah adalah perkara utama yang diberi penekanan oleh Jabatan Mufti bagi membanteras ajaran-ajaran sesat yang boleh mempengaruhi masyarakat. Akidah adalah persoalan pokok yang perlu dipelihara dengan sempurna bagi mengelak dicemari oleh kepercayaan-kepercayaan yang membawa kepada syirik. Pendedahan melalui fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri mengenai ajaran-ajaran yang bertentangan dengan mazhab-mazhab di Malaysia, mampu membawa masyarakat ke arah akidah yang suci dan murni. Ia juga dapat menyelamatkan umat Islam dari perpecahan dan terpengaruh kepada akidah-akidah yang tidak muktamad dan boleh

³²¹*Ibid.*

³²²*Ibid.*

³²³Abdullah Ahmad Senin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Bahagian Fatwa), Jabatan Mufti Selangor. Temubual 11 Mac 2014.

³²⁴Nor Azamir Alias, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Temu bual 8 April 2013.

memesongkan. Tanpa akidah yang benar-benar solid di sisi Islam, segala amalan yang dilakukan oleh masyarakat Islam samaada berbentuk ibadah khusus atau umum akan dianggap tidak sah dan tertolak. Bahaya inilah yang menyebabkan Jabatan Mufti amat peka terhadap isu-isu akidah berbanding isu-isu yang lain yang diketengahkan oleh pihak lain.³²⁵ Di samping itu juga, Jabatan Mufti Negeri atau Majlis Fatwa kebangsaan akan memberi perhatian serius terhadap sesuatu isu khilaf yang dibangkitkan oleh masyarakat sekiranya mengundang kekeliruan dan perpecahan. Justeru, kemampuan yang terhad dan persoalan yang pelbagai menyebabkan Jabatan Mufti tidak mampu untuk melayani atau mengkaji semua isu yang wujud dalam masyarakat Islam di Malaysia kecuali jika mendapat respon dari mana-mana pihak.³²⁶ Usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi menubuhkan institusi-institusi agama seperti MAIN, Jabatan Mufti dan sebagainya, yang kini berdiri megah setanding organisasi-organisasi yang lain adalah sungguh bermanfaat demi menjaga kepentingan semua rakyat Malaysia yang beragama Islam.

3.5 PROSEDUR KEFATWAAN ZAKAT

Pengertian fatwa yang diamalkan di Malaysia ialah : Kenyataan mufti yang diterbitkan melalui warta undang-undang. Ia telah menjadi urusan rasmi pemerintah di mana pengeluarannya dikawal dan peruntukannya dikuatkuasakan.³²⁷ Di era globalisasi pada masa kini, fatwa dilihat begitu penting dalam menyelesaikan sesuatu masalah baru yang timbul di kalangan umat Islam. Selain menyelesaikan persoalan hukum syarak, fatwa juga berperanan dalam menjelaskan kekeliruan dan kesamaran terhadap suatu hukum yang timbul dan tergantung di tengah masyarakat. Selain fatwa, faktor keimanan adalah merupakan perkara penting sebagai tonggak utama kepatuhan masyarakat terhadap pembayaran zakat. Tahap keimanan yang lemah adalah punca keengganan individu melunaskan tuntutan ini, apatah lagi jika ia tidak melibatkan hukum yang sudah dipersetujui dalam agama secara asal.

³²⁵ *Ibid.*

³²⁶ Abdullah Ahmad Senin, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam. Temu bual 11 Mac 2014. *op.cit.* Mohd Nazri Abdul Majid, Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Buhuth, Jabatan Mufti Melaka. Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014.

³²⁷ Ahmad Hidayat Buang (1998), *op.cit.* h. 58.

Hakikatnya, peranan yang dimainkan oleh fatwa terhadap isu ini amat membantu menguatkan hujah yang diperolehi, dan mampu juga meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap urusan agama. Malah ia juga boleh menempis sikap-sikap negatif sebahagian masyarakat yang boleh menggugat kestabilan, sebaliknya mendorong masyarakat untuk lebih berintegriti dalam menunaikan semua tuntutan agama sebagai seorang mukallaf. Masyarakat Islam perlu dididik dengan pelbagai cara supaya mereka lebih memahami dan menyedari tentang akibat yang bakal diterima jika masih mengabaikan perkara rukun dalam Islam.

Matlamat syarak tidak mungkin dapat dicapai sekiranya masyarakat masih menganggap zakat sebagai satu bebanan. Sikap sebahagian manusia kadang-kadang perlu diawasi dan dikawal dengan peraturan serta penguat-kuasaan demi kelangsungan kemaslahatan masyarakat Islam secara menyeluruh. Islam yang dianuti bukan sekadar nama, tetapi perlu kepada pengamalan dan penghayatan dalam konteks ibadah, muamalat, persaudaraan dan lain-lain yang diamalkan secara syumul sebagai tiket untuk selamat dari kehidupan selepas kematian. Keberkesanan kutipan zakat emas perhiasan, amat bergantung kepada keyakinan masyarakat terhadap fatwa yang dikeluarkan. Tidak semua masyarakat, khususnya mereka-mereka yang faham tentang agama boleh menerima bulat-bulat apa sahaja fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti jika fatwa yang dikeluarkan kelihatan agak kabur. Oleh yang demikian, fatwa tidak boleh sewenang-wenangnya ditetapkan kecuali setelah melalui beberapa fasa sama ada dari sudut teknikal mahupun ilmiah bagi menjamin kualiti fatwa yang dihasilkan.

3.5.1 Prosedur Dan Proses Pengeluaran Fatwa Melaka

Berdasarkan informasi yang disalurkan oleh Jabatan Mufti Melaka (JMM) ketika temubual diadakan,³²⁸ maka prosedur yang ditetapkan oleh JMM sebagai proses pengeluaran fatwa adalah perlu melalui beberapa fasa tapisan yang ditetapkan oleh

³²⁸Mohd Nazri Abdul Majid, Temubual pada 11 Jun 2013 dan 19 Mac 2014. *op.cit.*

Majlis, sebelum mendapatkan perkenan Yang Dipertuan Agong bagi memohon kebenaran mengeluarkan fatwa rasmi kerajaan negeri. Setiap isu yang ingin mendapatkan status fatwa harus terlebih dahulu melalui proses penyediaan kertas kerja cadangan yang disediakan oleh pihak pencadang,³²⁹ atau Jabatan Mufti sendiri yang melihat kepada isu-isu tertentu yang memerlukan kepada fatwa. Cadangan isu yang hendak difatwakan perlu dibuat dengan lengkap dan sempurna sebelum disemak dan dinilai oleh pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk memastikan sama ada isu tersebut layak untuk dipertimbangkan sebagai fatwa. Kertas kerja cadangan tersebut perlu mempunyai maklumat yang secukupnya sebelum dibentangkan dan diperbahaskan di dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa di hadapan panel-panel yang dilantik. Bagi isu-isu mudah dan tidak menyentuh mana-mana kepentingan awam serta tidak memerlukan kepada kajian atau perbincangan lanjut, maka pada kebiasaannya persoalan tersebut akan diputuskan dan dijawab terus oleh S.S. Mufti sendiri atau wakilnya kepada pihak yang bertanya sama ada dibuat sama ada secara rasmi melalui surat, telefon atau yang datang sendiri ke Jabatan Mufti.³³⁰ Manakala permasalahan yang memerlukan kajian dan penelitian seperti isu-isu tempatan yang rumit atau menyentuh masalah awam, maka ia akan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa untuk diperbincangkan dan diputuskan. Jawatankuasa Fatwa adalah terdiri daripada S.S. Mufti Negeri Melaka sebagai pengerusi, dan turut melibatkan pakar-pakar agama tempatan yang dilantik oleh MAIN dan telah diperkenan oleh Yang Dipertuan Agong. Kertas kerja cadangan atau kajian penyelidikan boleh dihasilkan oleh pihak luar dari pelbagai agensi ataupun dihasilkan

³²⁹Pencadang datang dari pelbagai pihak yang mengemukakan soalan atau yang membangkitkan sesuatu isu yang dirasakan perlu difatwakan kerana memandangkan tiada sebarang sumber yang boleh dirujuk sebelum ini yang mengakibatkan timbul pelbagai ideologi yang boleh mencemarkan kepentingan dan perpaduan masyarakat awam dalam konteks hukum.

³³⁰Abdullah Said, Hasan Baharom, Rawi Nordin (2012), *Kefatwaan Fiqh Zakat Asia Tenggara*, Institut Pengurusan Penyelidikan UiTM. h. 34.

oleh pihak urusetia dari Unit Buhuth Jabatan Mufti sama ada berdasarkan permintaan dari pihak luar atau dari arahan S.S. Mufti.³³¹

Setelah kertas kerja tersebut dibentangkan dan dibincangkan dengan panjang lebar oleh pihak pencadang bersama dengan ahli panel, maka semua jawatankuasa akan bermesyuarat untuk membuat keputusan, sama ada ingin menjadikan hasil cadangan tersebut sebagai fatwa rasmi atau sebaliknya. Sekiranya kertas cadangan tersebut dipersetujui untuk diluluskan sebagai fatwa rasmi, maka hasil keputusan tersebut akan dibawa pula untuk diluluskan ke dalam mesyuarat MAIM yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Melaka. Kertas kerja tersebut akan dibentangkan pula oleh S.S. Mufti bagi mendapat persetujuan semua jawatankuasa induk MAIM sebelum diangkat ke Yang Dipertuan Agong. MAIM berhak untuk menerima atau menolak cadangan fatwa tersebut yang dikemukakan oleh Jabatan Mufti sekiranya tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan.³³² Seterusnya cadangan fatwa yang diluluskan oleh mesyuarat MAIM akan dibawa terus kepada Ketua Agama Negeri iaitu Yang Dipertuan Agong bagi memohon perkenan Tuanku sebagai langkah terakhir sebelum layak diberi status fatwa. Tanpa perkenan Tuanku, fatwa tersebut dikira sebagai tidak sah dan tidak boleh dijadikan sebagai rujukan. Setelah diperkenankan oleh Tuanku, barulah cadangan tersebut diktiraf sebagai fatwa yang boleh digunakan. Walau bagaimanapun, kelulusan fatwa tersebut perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapat persetujuan pewartaan. Setelah itu, kandungan fatwa tersebut perlu didrafkan oleh Jabatan Mufti sebelum dihantar ke Pejabat Undang-Undang Negeri bagi tujuan meneliti Rang fatwa tersebut supaya tidak bercanggah atau bertindih maksud dari sudut bahasa undang-undang. Sebagai langkah akhir, fatwa tersebut akan dicetak

³³¹*Ibid.* Mohd Nazri Abd Majid, Temubual pada 11 Jun 2013, 19 Mac 2014.

³³²*Ibid.*,

dalam Warta Kerajaan Negeri Melaka sebagai bukti perwartaan.³³³ Adalah menjadi satu kesalahan untuk mempersoalkan dan mengingkari fatwa yang sudah diwartakan.³³⁴

3.5.2 Prosedur Dan Proses Pengeluaran Fatwa Di Selangor

Di Selangor, prosedur dan proses pengeluaran fatwa adalah perlu melalui tujuh langkah atau tahap sebelum mendapat status fatwa yang sah iaitu³³⁵:

- Isu Yang Timbul³³⁶

Isu memainkan peranan yang penting terhadap usaha untuk pengeluaran fatwa. Menurut Mohd Zulkifli al-Bakri (2008),³³⁷ Sesuatu fatwa akan dikeluarkan, apabila muncul suatu persoalan baru dari pihak *al-mustafti* (orang yang meminta sesuatu fatwa) di mana ia memerlukan khidmat Mufti untuk mengeluarkan hukum. Permintaan tersebut boleh datang dari pelbagai sumber sama ada dari Sultan, pihak perseorangan atau atas kehendak Mufti sendiri. Ia perlu dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti dan soalan yang ditanya tersebut akan diteliti terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan jika ia wajar untuk difatwakan. Sebaliknya jika persoalan tersebut dianggap remeh dan tidak penting, maka Mufti berhak untuk tidak menjawabnya.³³⁸ Ini berpandukan kepada seksyen 33 (6).

- Dihantar Kepada Mufti

Setiap isu yang dibangkitkan oleh mana-mana pihak bagi memohon keputusan fatwa negeri Selangor perlu disusuli dengan surat permohonan yang dialamatkan terus kepada Mufti Kerajaan Selangor, mengikut peruntukan Seksyen 31 (1) Tahun 1989

³³³ *Ibid.*

³³⁴ Akta Kesalahan Jenayah Syariah.

³³⁵ Abdullah Ahmad Senin, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam. Temu bual 11 Mac 2014. *op.cit.*

³³⁶ Menurut Seksyen 30 (1) tertakluk kepada subseksyen (5) dan (6) dan seksyen 33 (5). Mufti boleh atas usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Yang Dipertuan Besar, membuat dan memberitahu dalam Warta Fatwa atau pendapat atas sesuatu soalan yang belum terputus atau soalan yang menimbulkan pertikaian berkaitan dengan hukum syarak.

³³⁷ Zulkilfi Mohamad al-Bakri (2008), *Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), h. 32.

³³⁸ *Ibid*, h. 32.

yang meminda seksyen 41 (1).³³⁹ Peruntukan ini juga menunjukkan bahawa permintaan boleh dibuat dengan surat sahaja, akan tetapi dari segi praktikalnya pertanyaan boleh dikemukakan dengan apa sahaja medium seperti faks, e-mail, telefon dan sebagainya.³⁴⁰

- Penyelidikan³⁴¹

Apabila Mufti berhasrat untuk membuat fatwa tentang sesuatu isu, maka beliau hendaklah memanggil semua Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor untuk bermesyuarat dan berbincang serta mengarahkan supaya ia diteliti dan dibuat penyelidikan. Ini adalah amalan asas yang perlu dibuat oleh Mufti setiap kali ada isu yang perlu difatwakan. Keputusan fatwa yang diambil akan menjadi lebih matang sekiranya disokong oleh kertas kerja yang lengkap. Menurut Noor Naemah (2002), Kajian mengenai isu yang ingin difatwakan perlu dibuat, supaya fatwa yang dihasilkan boleh menyakinkan masyarakat. Dengan kajian juga pihak berkuasa fatwa negeri mempunyai masa dan ruang yang mencukupi untuk membuat semakan dan penilaian terhadap butiran isu yang berbangkit. Proses kajian dan penyelidikan yang sistematik itu amat penting dalam membuat keputusan fatwa, kerana fatwa itu sendiri bukan merupakan pandangan hukum yang spontan tanpa disiplin ilmu tertentu, malah ia adalah satu proses pemetikan hukum yang bersistematik.³⁴² Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sejauh manakah kajian tentang sesuatu itu dibuat. Tidak juga dapat dipastikan kualiti kajian tersebut sama ada setaraf dengan kajian-kajian akademik yang lain, atau sekadar seperti kertas kerja projek.

³³⁹Seksyen 41 (1) memperuntukkan : Siapa-siapa pun boleh dengan bersurat kepada Setiausaha meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara agama Islam atau nas atau undang-undang Adat Istiadat Melayu, apabila diterima permintaan yang demikian, hendaklah Setiausaha dengan serta merta menghantar permintaan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Agama. Seksyen ini telah dipinda kepada Seksyen 31 (1) dengan hanya meminda surat yang dihantar kepada Majlis perlu ditujukan kepada Mufti.

³⁴⁰Mazni Abdul Wahab (2004), *Pewartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 Dan Penguatkuasaanya*, Jurnal Syariah 12(2) : 123-147.

³⁴¹Abdullah Ahmad Senin, Jabatan Mufti Selangor, Shah Alam. Temu bual 11 Mac 2014. *op.cit*

³⁴²Noor Naemah Abd. Rahim (2002), *Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia, Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa*, Jurnal Syariah 10(2) : 19-30.

- Mesyuarat³⁴³

Menurut Mazni Abdul Wahab (2004),³⁴⁴ Setelah diteliti, sesuatu permasalahan yang ingin difatwakan akan dibawa terus ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang akan bersidang. Pemberitahuan mengenai mesyuarat perlu dibuat secara bertulis dan juga lisan kepada semua pihak yang terlibat. Kebiasaannya notis pemberitahuan mesyuarat akan dikeluarkan kepada semua ahli yang dilantik, dalam tempoh sebulan lebih awal dari tarikh sebenar mesyuarat diadakan. Ini bagi mengelak daripada keuzuran ahli untuk tidak menghadirkan diri. Kehadiran ahli adalah sangat penting dalam mesyuarat ini kerana mesyuarat akan dibatalkan sekiranya bilangan ahli yang hadir adalah kurang daripada 1/3 dari ahli sebenar yang sepatutnya hadir.³⁴⁵

- Makluman Keputusan dan Draf Warta³⁴⁶

Selepas keputusan fatwa diperolehi dari mesyuarat, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri akan memaklumpkannya kepada Majlis Agama Islam Selangor untuk pertimbangan. Sekiranya Majlis Agama Islam Selangor bersetuju untuk mewartakannya, Keputusan fatwa tersebut akan di draf untuk penelitian Yang Berhormat (YB) Undang-Undang Negeri. Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri akan memastikan bahasa yang digunakan adalah bahasa undang-undang kerana ia adalah untuk pewartaan.³⁴⁷

- Perkenan Sultan³⁴⁸

Draf Fatwa yang telah dihantarkan kepada YB Penasihat Undang-Undang akan diperbetulkan sekiranya terdapat kesalahan dalam draf tersebut. Satu surat akan dihantar dan dihadapkan kepada Sultan atau Pemangku Sultan untuk mohon perkenan. Sultan atau Pemangku Sultan boleh atas pertimbangannya membenarkan atau tidak membenarkan fatwa tersebut diwartakan. Sekiranya perkenan Sultan atau Pemangku

³⁴³ Abdullah Ahmad Senin, Temu bual 11 Mac 2014. *op.cit*

³⁴⁴ Mazni Abdul Wahab (2004), *Op. Cit.* h. 126.

³⁴⁵ *Ibid.*

³⁴⁶ Abdullah Ahmad Senin, Temu bual 11 Mac 2014. *op.cit*

³⁴⁷ *Ibid.* Mazni Abdul Wahab (2004), h. 127

³⁴⁸ Abdullah Ahmad Senin, Temu bual 11 Mac 2014. *op.cit*

Sultan telah diperolehi, Fatwa tersebut akan dihantar sekali lagi kepada YB Penasihat Undang-Undang untuk diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri secara rasmi.³⁴⁹

- Pewartaan³⁵⁰

Menurut peruntukan di dalam Akta Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-undang Islam yang ada sekarang, bahawa sesuatu keputusan yang dibuat tidak dikatakan sebagai fatwa sekiranya ia tidak dikeluarkan mengikut prosedur atau tatacara yang ditetapkan, iaitu dikeluarkan oleh orang atau Jawatankuasa yang diberi kuasa dan disiarkan dalam warta. Setelah fatwa tersebut disiarkan dalam Warta, barulah ia boleh dikuatkuasakan. Oleh kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa perkara agama terletak di bawah bidang kuasa negeri, maka sesuatu fatwa yang dikeluarkan negeri tertentu hanya mengikat orang yang tinggal di dalam negeri yang fatwa itu diperuntukkan.³⁵¹ Di peringkat kebangsaan,³⁵² fatwa yang dikeluarkan adalah melalui dua cara iaitu sama ada daripada arahan mesyuarat Majlis Raja-Raja, atau melalui permohonan masyarakat Islam mengikut sepertimana prosedur di peringkat negeri.


³⁴⁹Mazni Abdul Wahab (2004), *op.cit.* h. 127

³⁵⁰Abdullah Ahmad Senin, Temu bual 11 Mac 2014. *op.cit*


³⁵¹Zaini Nasohah (2005) h. 29.

³⁵²Majlis Fatwa Kebangsaan ditubuhkan pada awal tahun 1970 berdasarkan kepada peruntukan Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat kebangsaan atas setiap perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Diawal penubuhannya dikenali sebagai Persidangan, namun ditukar kepada Muzakarah bermula 28-29 Jun 1981.

Jadual 3.2 : PROSES PENGELUARAN FATWA DI MELAKA



Jadual 3.3 : PROSES PENGELUARAN FATWA DI SELANGOR



Sumber : Jabatan Mufti Melaka dan Jabatan Mufti Selangor.

3.6 KONSEP PEMAKAIAN EMAS PERHIASAN

Emas adalah logam galian berharga dari hasil bumi yang banyak manfaat kepada manusia. Syariat mengibaratkan emas sebagai kekayaan alam yang hidup dan berkembang, di mana fungsinya boleh digunakan dalam bentuk matawang, kepingan emas, perhiasan, peralatan dan sebagainya yang perlu dizakatkan apabila telah memenuhi syarat-syaratnya.³⁵³ Hukum-hukum asal dan hukum sebenar bagi *al-libas* (pakaian) dan *al-zaiyinah* (perhiasan), sama ada yang berada di tubuh manusia atau di pakaian mereka atau di tempat tinggal mereka, adalah halal dan dibenarkan.³⁵⁴ Ini berdasarkan kepada dalil-dalil umum yang menyatakan tentang keharusan tersebut yang ada kaitan dengan nikmat kurniaan Allah kepada hamba-hambaNya. Ia merangkumi segala bentuk pakaian, perhiasan, alat kegunaan dan sebagainya yang diiktiraf oleh syarak.³⁵⁵ Allah SWT telah berfirman:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ ۖ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ
ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

“Katakanlah (wahai Muhammad), siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya. Katakanlah: Semua itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga untuk orang-orang yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia. (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat. Demikianlah kami jelaskan ayat-ayat keterangan kami satu persatu bagi orang-orang yang mahu mengetahui.”

Surah al-‘Araf (7) : 32

Zakat bagi emas perhiasan adalah jauh berbeza dengan zakat emas simpanan. Terdapat jurang yang besar kadar zakat antara kedua-duanya menurut perlaksanaannya di seluruh negara. Sebaliknya, tidak wujud sebarang bentuk perbezaan kadar zakat bagi emas simpanan, juga berdasarkan perlaksanaannya di seluruh Malaysia. Begitu juga wujud perbezaan ketara terhadap kadar zakat bagi emas perhiasan di Melaka dan Selangor. Kadar

³⁵³Zakat Pulau Pinang, dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.zakatpenang.com>

³⁵⁴Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali al-Syarbajī (1992), Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bugha, ‘Ali al-Syarbajī (1992), *al-Fiqh al-Manhajī ‘ala Mazhab al-Imām al-Syafi‘i*, j. 2. Damsyik: Dār al-Qalam, h. 89.

³⁵⁵*Ibid.*

zakat emas simpanan adalah ditentukan dengan jelas oleh al-Hadith dan telah disepakati oleh jumhur fuqaha dengan menetapkan hukum secara *qat'i* (putus) iaitu berdasarkan kadar nisab 85 gram emas,³⁵⁶ Berlainan sekali dengan kadar zakat bagi emas perhiasan. Penetapan hukum zakat bagi emas perhiasan tersebut perlu bersandarkan kepada realiti semasa atau *'urf* yang pastinya berbeza antara suatu tempat dengan suatu tempat yang lain. Berdasarkan maklumat tersebut, maka kadar zakat bagi emas simpanan di Selangor dan Melaka serta negeri-negeri yang lain adalah tetap berdasarkan kepada timbangan 85 gram berat emas setelah genap *hawl* setahun. Begitu juga hukum yang sama terpalit kepada emas perhiasan yang hanya disimpan atau tidak pernah dipakai langsung walaupun hanya sekali dalam tempoh *hawl* tersebut.³⁵⁷ Dalam isu zakat emas perhiasan, Selangor telah menetapkan bahawa kadar *'urf* adalah sebanyak 800 gram, yang ditetapkan berdasarkan fatwa bertarikh 18 April 2005. Keputusan ini dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang dipengerusi oleh S.S Mufti atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pewartaan tanggal 23 Jun tahun 2005.³⁵⁸ Manakala Melaka pula menetapkan bahawa kadar *'urf* zakat emas perhiasan adalah pada timbangan 200 gram sahaja berpandukan kepada fatwa yang diwartakan pada tarikh 6 Januari 2011.³⁵⁹

Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat perbezaan yang ketara antara zakat bagi emas simpanan berbanding emas perhiasan di Selangor dan begitu juga di Melaka. Namun di Selangor perbezaan tersebut (antara emas simpanan dan emas perhiasan) lebih menyerlah kerana nisab emas simpanan adalah 85 gram sahaja, sedangkan nisab emas perhiasan adalah

³⁵⁶ al-Jazīrī, 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad 'Auṣ (1999), *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Mazāhib al-Arba'ah*, Taḥqīq: Kamāl Jamāl et al. c. 1, j. 1. Manṣūrah: Maktabah al-Īmān, h. 582. al-Sarbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khaṭīb (t.t.), *al-Iqnā' fi Ḥal Alfāz Abī Syujā'*, Taḥqīq: 'Alī Muḥammad Mu'awwad, 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, j. 1. Beirūt: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah. h. 444. al-Zuhaylī, Wahbah (1994), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damsyik: Dār al-Fikr, *op.cit.* h. 852. Menurut Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.* Temu bual 20 Jun 2013. "Penetapan kadar nisab emas simpanan adalah berdasarkan kepada kajian daripada pandangan jumhur dan penetapan yang dibuat oleh JAWHAR di bawah Jabatan Perdana Menteri dan diikuti oleh semua negeri-negeri di Malaysia."

³⁵⁷ Lembaga Zakat Selangor (MAIS), dicapai pada 26 November 2013, www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-emas-perak/. Warta Kerajaan Negeri Selangor, Fatwa di bawah Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Jil. 58, No. 13, 23 Jun 2005.

³⁵⁸ *Ibid.* Warta Kerajaan Negeri Selangor, Fatwa di bawah Seksyen 47. *Ibid.* Lembaga Zakat Selangor (MAIS), www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-emas-perak/.

³⁵⁹ Fatwa Di Bawah Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

800 gram. Manakala di Melaka nisab emas simpanan adalah 85 gram juga, tetapi nisab emas perhiasan hanya seberat 200 gram. Jurang kadar antara emas simpan dan emas perhiasan di Selangor lebih berpotensi untuk disalah gunakan sekiranya kaum wanita membeli emas perhiasan dengan jumlah yang banyak dengan niat-niat untuk dipakai dan juga disimpan, tetapi mengeluarkan zakat berdasarkan kepada emas perhiasan yang lebih menguntungkan. Dari sudut kiraan zakat, memiliki emas bagi tujuan perhiasan adalah lebih menguntungkan berbanding memilikinya bagi tujuan simpanan kerana nisab yang berbeza antara kedua-dua kategori dalam kewajipan zakat. Namun perlu diingatkan, bahawa situasi ini tidak boleh dijadikan sebagai suatu helah atau strategi yang halus untuk mengelak daripada membayar zakat yang sepatutnya.³⁶⁰ Kewajipan membayar zakat adalah merupakan ibadah yang dipandang mulia di sisi Allah SWT yang perlu dilaksanakan dengan penuh penghayatan dan kesedaran oleh setiap individu muslim, demi mendapat keredhaan dan keberkatan atas harta yang dimiliki tanpa dicelahi oleh unsur-unsur duniawi.

Oleh yang demikian, jika ditinjau dari perspektif hukum, maka sebelum seseorang itu membayar zakat emas, barang kemas yang dimiliki, tidak boleh sewenang-wenangnya dikategorikan sebagai emas perhiasan kecuali setelah memenuhi syarat-syarat tertentu yang melayakkan seseorang mendapatkan hak eksklusif ini. Jika tidak, emas tersebut perlu dibayar berdasarkan kepada zakat emas simpanan. Walau bagaimanapun, syarat pemakaian yang ditetapkan oleh organisasi zakat adalah tidak menyusahkan. Bagi mendapatkan status emas perhiasan di Selangor dan Melaka, maka disyaratkan supaya emas tersebut adalah harus dimiliki oleh para wanita sahaja, dan wajib dipakai atau disarung ke atas anggota badan sekurang-kurangnya sekali sahaja dalam tempoh *hawl*.³⁶¹ Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), kaedah pemakaian emas yang dikecualikan zakat simpanan adalah seperti berikut:

³⁶⁰ Ibn Ḥazm (1968), *al-Muhallā*, Qāhirah, Maktabah al-Jumhūriyyah, j. 6, h. 96.

³⁶¹ Temubual Pegawai-Pegawai di LZS, PZM, JMS dan JMM. *op.cit*.

“...Konsep memakai atau menggunakannya (perhiasan emas) juga perlu dilihat secara lebih fleksibel. Untuk dikatakan ia sebagai barang perhiasan yang dipakai dan tidak disimpan sebagai harta simpanan tidak semestinya barang-barang perhiasan ini dipakai setiap masa sebagai basahan. Sebaliknya ia termasuk juga barang-barang perhiasan yang dalam kebanyakan waktu disimpan dan hanya dipakai sekali-sekala sahaja. Di sini juga ‘urf atau kebiasaan memainkan peranannya dalam menentukan hukuman.”³⁶²

Sebagai huraian kepada kaedah pemakaian, Mohd Fariz Abdul Razak³⁶³ pula berpendapat bahawa yang dikatakan sekali itu bukanlah sekadar menyarungkannya beberapa minit dan kemudian mengeluarkannya semula sekadar bertujuan untuk mencuba-cuba dengan niat berhelah dari membayar zakat, namun sekali yang dimaksudkan di sini adalah memakainya ketika keluar ke mana-mana atau menghadiri apa-apa majlis dalam satu-satu masa dengan niat yang ikhlas bukan bertujuan mempersendakan, bermain-main atau berniat untuk lari dari membayar zakat. Konsep pemakaian juga perlu selari dengan tuntutan sebenar yang tidak menimbulkan sebarang bentuk fitnah dan sebagainya.

Justeru, bagi mengelak daripada terkhilaf dalam soal ini, maka sewajarnya para wanita perlu mempelajari dan memahami hukum sebenar tentang emas perhiasan supaya mereka tidak terburu-buru dalam membuat penilaian sendiri tentang status emas yang dimiliki. Banyak perkara yang perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebelum mengklasifikasikan status emas yang dimiliki bagi mengelak daripada terjebak dalam dosa ketika menunaikan tanggungjawab berzakat. Semua persoalan tentang agama perlu dirujuk kepada organisasi berautoriti yang tentunya lebih arif tentang hukum-hukum yang telah ditetapkan dan difatwakan. Sekalipun perhiasan adalah suatu keperluan yang dianggap penting sepertimana pakaian kepada wanita, namun pakaian dan perhiasan diri dari sudut iman dan taqwa adalah perlu diutamakan melebihi segala-galanya demi kelangsungan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.³⁶⁴ Manusia mempunyai pelbagai ragam dan tabiat

³⁶² Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Dewan Bahasa & Pustaka, KL, h. 195.

³⁶³ Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.* Temubual 20 Jun 2013.

³⁶⁴ Allah SWT telah berfirman Bermaksud: *“Wahai anak-anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan. Dan pakaian Taqwa itulah yang sebaik-*

yang sukar untuk difahami. Ada yang terlalu ikhlas dalam soal ibadah, malah tidak kurang juga yang suka mengambil kesempatan terhadap *rukhsah* atau kelonggaran yang diberikan oleh syarak. Perincian terhadap faktor ini, dapat mengekang sikap-sikap negatif sebahagian manusia yang suka mengambil kesempatan untuk tidak membayar zakat dengan kadar yang sepatutnya. Syarat pemakaian di badan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh *hawl* telah menyekat dari awal kaum lelaki yang berhajat untuk mencari keuntungan menyimpan emas dengan bayaran zakat yang rendah. Ini adalah kerana Islam mengharamkan langsung bagi lelaki untuk memakai emas perhiasan.³⁶⁵

3.7 STATUS DAN HUKUM EMAS PUTIH

Emas putih adalah merupakan revolusi dari sudut emas hasil dari perkembangan teknologi yang suatu masa dahulu tidak pernah wujud. Emas di zaman dahulu hanya mempunyai satu jenis sahaja yang berwarna kekuningan secara semula jadi iaitu emas tulen. Logam berwarna putih yang wujud pada zaman dahulu adalah sejenis logam asli yang dikenali sebagai perak secara pejal semata-mata tanpa dicampurkan dengan emas kuning atau logam-logam yang lain. Ia sunat dipakai oleh lelaki sekiranya dibuat cincin mengikut amalan Nabi SAW berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari dari Ibn ‘Umar seperti berikut:³⁶⁶

ان رسول الله (ص) اتخذ خاتما من ذهب - او فضة - وجعل فصه مما يلي كفه, ونقش فيه محمد رسول الله فاتخذ الناس مثله فلما راهم قد اتخذوها رمى به وقال لا البسه ابدا ثم اتخذ خاتما من

baiknya. Yang demikian itu, adalah dari tanda-tanda kekuasaan (Allah) supaya mereka sentiasa beringat dan bersyukur.” Sūrah al-‘Arāf (7): 26.

³⁶⁵Berdasarkan hadith dari Abu Musa al-Asy‘ari sesungguhnya Rasulullah saw telah bersabda: (رواه الترمذي) “Diharamkan memakai sutera dan emas bagi lelaki, dan dihalalkan keduanya bagi perempuan.” (Hadith diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Ibn Majah). Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī (t.t.), *op.cit.* No. Hadith 3595, h. 599. al-Tirmizi, al-Imām al-Ḥāfiẓ Muḥammad bin ‘Īsa bin Sūrah (1417H.) *op.cit.* Hadith No. 1720, h. 401. Abī Zakariyyā Yaḥya bin Syaraf al-Nawāwī al-Dimasyqī (2000) *op.cit.*

³⁶⁶al-Bukhārī, Abī ‘Abd allāh Muḥammad bin Ismā‘īl (1400H), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ, al-Musnad min Ḥadīth Rasūl allāh saw wa Sunanih wa Ayyāmih*, Taḥqīq: Muhib al-Dīn al-Khaṭīb, j. 4. Qāhīrah: al-Maktabah al-Salfiyyah. No Hadith: 5866, h. 68.

فضة فاتخذ الناس خواتيم الفضة . قال ابن عمر: فلبس الخاتم بعد النبي (ص) ابو بكر ثم عمر ثم عثمان حتى وقع من عثمان في بئر اريس.

“Ibnu ‘Umar pernah meriwayatkan bahawasanya Rasulullah saw memakai cincin dari emas atau perak. Kedudukan mata cincin tersebut adalah terbalik ke arah telapak tangan, ukirannya tertulis Muhammad Rasulullah. (Sejak itu), ramai orang yang memakainya seperti Baginda (cincin emas dan perak). Apabila baginda melihat ramai yang telah memakainya, maka Baginda membuang cincin emas dan berkata tidak akan memakainya lagi. Kemudian Baginda mengambil(memakai) cincin perak dan diikuti oleh orang ramai (Baginda tidak melarang). Berkata Ibnu ‘Umar, (aku lihat) Selepas Rasulullah saw, Abu Bakar juga memakainya, kemudian diikuti oleh ‘Umar, kemudian ‘Uthman hinggalah cincin beliau (‘Uthman) terjatuh ke perigi Aris (berhampiran dengan Masjid Quba’).”³⁶⁷

Pada masa kini, emas putih yang berada di pasaran sebenarnya bukanlah sejenis logam yang tersendiri sepertimana emas tulen atau perak. Ia adalah campuran antara satu bahan dengan satu bahan yang lain. Hakikatnya ia adalah emas kuning yang dicampur dengan logam yang lain seperti perak dan sebagainya.³⁶⁸ Menurut Zaharuddin Abd Rahman,³⁶⁹ bahawa terdapat pandangan terpencil yang mengatakan bahawa emas putih itu adalah logam platinum semata-mata yang tidak bercampur dengan emas. Bagi beliau, pendapat yang mengatakan demikian adalah tidak benar sehingga terdapat pihak yang menghalalkan emas putih untuk lelaki berdasarkan kepada sumber tersebut. Tetapi jika pendapat ini benar, maka hukum tersebut adalah benar-benar diharuskan bagi lelaki selagimana tidak menyerupai wanita. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada realiti yang wujud, emas putih hakikatnya adalah emas tulen yang berwarna kuning tetapi disalut pula dengan logam berwarna putih yang dikenali sebagai palladium atau bahan-bahan yang lain, di mana kandungan emasnya adalah lebih banyak dari bahan tersebut.³⁷⁰ Hukumnya adalah haram atas lelaki berdasarkan fatwa kebangsaan kerana ketulenan emas yang wujud di dalamnya secara dominan, adalah

³⁶⁷ *Ibid.*

³⁶⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), “Hukum Lelaki Memakai emas Putih”, dicapai pada 19 Mei 2015, www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-lelaki-memakai-emas-putih. Bahawa Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ (FATWA) Negeri Selangor yang bersidang pada 23 Ogos 1999 sebulat suara memutuskan bahawa hukum lelaki memakai emas putih adalah haram berdasarkan kenyataan Prof. Zahari Dato’ Sulaiman bahawa emas putih terhasil campuran daripada 2 unsur logam iaitu emas kuning dicampur perak.

³⁶⁹ Zaharuddin Abd Rahman, dicapai pada 10 Julai 2013, <http://www.zaharuddin.net>.

³⁷⁰ *Ibid.*

merupakan sebab pengharamannya.³⁷¹ Definisi emas putih yang ditakrifkan oleh fatwa ialah sejenis logam yang diperbuat bukan dari hasil kandungan 100 peratus emas. Ia adalah merupakan campuran antara logam emas dan logam-logam yang lain dalam kuantiti yang berbeza-beza.³⁷² Fatwa tentang emas putih pernah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-52 yang bersidang pada 1 Julai 2002. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa emas putih adalah haram ke atas lelaki sama seperti emas tulen. Manakala Jabatan Mufti Selangor pula membuat penambahan dengan memfatwakan bahawa hukum haram memakai emas putih ke atas lelaki adalah *tsabit* sekiranya kandungan emas tulen melebihi 50% berbanding logam campuran yang lain.³⁷³

Menurut fatwa, sekalipun emas putih dikategorikan sebagai kumpulan emas berdasarkan nama emas yang terpahat pada logamnya, namun ia bukan emas tulen sebenar yang berwarna kekuningan dan mempunyai nilai yang tinggi di pasaran. Emas putih berbeza dengan platinum walaupun dari segi warnanya adalah sama iaitu putih. Hakikatnya logam platinum tidak mempunyai unsur emas.³⁷⁴ Hukum memakai platinum bagi lelaki adalah harus, namun adalah lebih baik jika mereka memilih logam perak sebagai amalan kerana memakainya adalah sunnah.³⁷⁵ Emas putih mengambil nama emas adalah kerana kandungan emas di dalamnya adalah lebih tinggi berbanding logam perak dan palladium. Menurut LZS (MAIS), emas putih tidak termasuk dalam konteks emas yang diwajibkan zakat sekalipun fatwa tentang pengharaman tersebut bagi kegunaan lelaki telah pun dikeluarkan oleh fatwa kebangsaan.³⁷⁶ Faktor pemakaian dan faktor kewajipan zakat adalah berbeza dan tidak boleh

³⁷¹*Ibid.*

³⁷²Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dicapai pada 12 Mei 2013, www.e-fatwa.gov.my.

³⁷³Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke – 52, Tahun 2002.

³⁷⁴Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dicapai pada 1 Jun 2013, www.e-fatwa.gov.my, *op. cit.*

³⁷⁵Abu Anas Madani, *Hukum menggunakan emas, Perak & Suasa*. Dar Taibah. siri 5. Zaharuddin Abdul Rahman, dicapai pada 10 Julai 2013, www.zaharuddin.net, *op.cit.* Menurut Zaharuddin Abdul Rahman dan Abu Anas Madani, platinum adalah platina yang merupakan suatu unsur kimia dalam tabel periodik yang memiliki lambang Pt dan nomor atom 78. Ia adalah sebuah logamtransisi yang berat, malleable, ductile, berharga, berwarna putih keabuan. kelebihan Platinum adalah tahan karat dan terdapat dalam beberapa bijih nikel dan copper. platinum digunakan untuk perhiasan peralatan laboratarium, gigi dan sebagainya.

³⁷⁶Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke – 52, Tahun 2002.

disamakan. Ini adalah kerana pengharaman atas lelaki adalah disebabkan oleh entiti emas yang masih terkandung dalam emas putih, sedangkan dalam konteks zakat pula kita melihat kepada status ketulenannya. Kesukaran dalam menaksirkan kandungan emas tulen dalam emas putih menyebabkan LZS (MAIS) tidak mengambil atau mewajibkan zakat atas emas putih.³⁷⁷ Terdapat juga unsur-unsur yang tidak adil dalam urusan jual beli emas putih berbanding emas kuning. Jika diperhatikan, harga emas putih akan menjadi lebih tinggi setara emas tulen ketika membelinya, sedangkan nilainya akan menjadi susut serta merta sekiranya dijual kembali. Hakikat ini tidak berlaku kepada emas tulen. Kestabilan dan ketetapan nilai dan harga yang terdapat pada emas tulenlah yang menyebabkan ia perlu dizakatkan.³⁷⁸

Menurut Noorzakry Nor Jamal,³⁷⁹ faktor pengharaman emas putih atas lelaki adalah dalil bahawa ia adalah merupakan kumpulan emas yang perlu dizakatkan. Tambahan pula, kuantiti emas yang terkandung dalamnya adalah lebih banyak melebihi 50% daripada logam yang lain. Sekalipun nilai emas putih tidak setinggi emas tulen, namun peratusan emas tulen yang terdapat di dalamnya mempunyai nilai setaraf kelas kedua berbanding logam-logam yang lain. Oleh itu, mengikut amalan Pusat Zakat Melaka (PZM) emas putih perlu ditimbang bersama-sama dengan emas tulen bagi mendapatkan kadar zakatnya. Penetapan ini adalah bagi memudahkan masyarakat supaya tidak terkeliru dengan pelbagai jenis emas yang akhirnya langsung tidak membayar zakat.

3.8 JENIS-JENIS EMAS PERHIASAN

Tidak semua emas yang berada di pasaran boleh dijadikan sebagai sandaran '*urf*'. Perlu diketahui bahawa emas yang berada di pasaran terbahagi kepada banyak kategori dan jenis. Harganya pula berbeza-beza mengikut kandungan emas yang terdapat di dalam perhiasan

³⁷⁷Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.* Temu bual 20 Jun 2013

³⁷⁸*Ibid.*

³⁷⁹Noorzakry Nor Jamal, Penolong Pengurus Bahagian Penyelidikan, Pusat Zakat Melaka (PZM), Temubual pada 13 Jun 2013.

tersebut. Emas tulen sebenar yang berada di pasaran adalah emas 24 karat yang menyamai 99.9% kandungan emas, di mana materialnya adalah lembut dan tidak sesuai untuk dijadikan sebagai perhiasan di badan.³⁸⁰ Emas perhiasan kebiasaannya menggunakan emas jenis 22 karat menyamai 91.6% kandungan emas tulen dan dicampurkan dengan logam lain dalam kuantiti yang amat sedikit, sekadar untuk tujuan mengeraskannya sahaja. Emas perhiasan yang berkualiti adalah yang padu dan tidak mudah bengkok atau patah sehingga boleh mencacatkan bentuk luarannya. Oleh itu, emas 22 karat dengan 91.6 peratus kandungan emas dianggap emas tulen yang paling banyak dijual dan dipakai oleh pengguna di mana-mana sahaja. Terdapat juga emas tiruan seperti zulian yang tidak dikategorikan sebagai emas yang perlu dizakatkan. Bagi memudahkan semua pihak, maka kiraan zakat emas di PZM adalah berdasarkan kepada nilai emas 916 sekalipun emas yang dimiliki adalah dari jenis-jenis lain yang diiktiraf sebagai emas.³⁸¹

Jadual 3.4 : Jenis-Jenis Emas Dan Campurannya Di Pasaran Malaysia.³⁸²

Nama & Kategori Emas	Karat	Ketulenan (Purity)
Emas 24K Emas Tulen Emas Kertas Emas Sepuluh	24K	99.9 %
	24K	99.0 %
Emas Kelantan	23K	95.0 %
Emas 916	22K	91.6 %
Emas 22K		
Emas Sembilan		
Emas Singapura		
Emas Paun	20K	85.0 %
		83.5 %
	18K	75.0 %
Emas India	20K	83.5 %
	18K	75.0 %
Emas 14K	14K	58.5 %
Emas Suasa	9K	37.5 %
Emas Putih	18KW	75.0 %
Emas Suasa Putih	9KW	37.5 %

Sumber : Habib Jewels.

³⁸⁰ *Ibid.*

³⁸¹ *Ibid.*

³⁸² Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie (2004), Pusat Zakat Selangor (PZS), *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf emas Perhiasan Di Negeri Selangor Tahun 2004*, Lampiran 6. Sumber Dari Habib Jewels.

Hasil dari perkembangan teknologi menyebabkan emas yang dimiliki perlu ditentukan statusnya terlebih dahulu supaya zakat yang dikeluarkan benar-benar menepati kehendak syarak terhadap emas yang diwajibkan. Ini bagi mendapatkan keadilan yang sewajarnya dari sudut zakat bagi orang-orang yang mengeluarkannya.

3.9 KADAR TERKINI & KAEDAH KIRAAN ZAKAT EMAS PERHIASAN SELURUH MALAYSIA.

Setiap negeri mempunyai hujah dan sandaran sendiri dalam menetapkan kadar '*urf*' yang berbeza dengan negeri-negeri yang lain. Selain berbeza dalam penetapan '*urf*', mereka juga berbeza terhadap kaedah kiraan zakat bagi emas perhiasan berdasarkan '*urf*' yang difatwakan di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun kadar pengeluaran zakat sebanyak 2.5 peratus, tidak menjadi sebarang khilaf antara negeri-negeri kerana ia telah disepakati secara ijmak di kalangan para ulama sejak dari dahulu. Khilaf yang berlaku hanya berkisar tentang '*urf*' yang ditetapkan, sama ada ia diambil kira atau ditolak sebelum didarabkan dengan kadar 2.5 peratus. Berikut adalah merupakan perincian tentang kadar terkini dan kaedah kiraan zakat dalam konteks emas perhiasan yang sedang diguna pakai dan dilaksanakan di seluruh negara:

Jadual 3.5 : Kadar '*Urf*' Terkini Negeri-Negeri dan Kaedah Kiraan

Bil	Negeri	Organisasi	Jumlah ' <i>Urf</i> '	Kaedah Kiraan
1	Wilayah Persekutuan ³⁸³	Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP	150 gram	Dengan kaedah penolakan ' <i>urf</i> '
2	Pulau Pinang ³⁸⁴	Zakat Pulau Pinang (ZPP) MAINPP	165 gram	Dengan kaedah tanpa penolakan ' <i>urf</i> '
3	Selangor ³⁸⁵	Lembaga Zakat Selangor (MAIS)	800 gram	Dengan kaedah penolakan ' <i>urf</i> '
4	Melaka ³⁸⁶	Pusat Zakat Melaka (PZM) MAIM	200 gram	Dengan kaedah penolakan ' <i>urf</i> '
5	Negeri Sembilan ³⁸⁷	Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) MAINS	200 gram	Dengan kaedah penolakan ' <i>urf</i> '

³⁸³Wilayah Persekutuan (MAIWP), dicapai pada 29 Mac 2014, http://www.zakat.com.my/zakat_emas.html.

³⁸⁴Zakat Pulau Pinang (ZPP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), dicapai pada 29 mac 2014 , <http://www.zakatpenang.com/zpp> . Temubual 19 Mei 2015.

³⁸⁵Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor, dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.e-zakat.com.my>

³⁸⁶Pusat Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.izakat.com>

³⁸⁷Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINs), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.zakatns.com.my>

6	Sabah ³⁸⁸	Pusat Zakat Sabah (PZS)	152 gram	Dengan kaedah penolakan 'urf
7	Pahang ³⁸⁹	Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP)	500 gram (Bermula 2012)	Dengan kaedah tanpa penolakan 'urf
8	Kedah ³⁹⁰	Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK)	170 gram	Dengan kaedah penolakan 'urf. Namun kiraannya berlainan. Sekiranya emas yang dipakai kurang dari 170 gram maka tidak wajib dizakatkan. Namun, jika emas yang dipakai melebihi 170 gram maka kadar zakat tersebut perlu ditolak terlebih dahulu 85 gram emas sebelum dizakatkan 2.5%
9	Perlis ³⁹¹	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	Berpegang kepada wajib zakat tidak seperti jumbuh. (85 Gram bagi semua jenis emas)	Dengan kaedah tanpa penolakan sama seperti emas simpanan
10	Perak ³⁹²	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	500 gram	Dengan kaedah tanpa penolakan 'urf
11	Johor ³⁹³	Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)	850 gram	Dengan kaedah penolakan 'urf
12	Sarawak ³⁹⁴	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	775 gram	Dengan kaedah penolakan 'urf
13	Terengganu ³⁹⁵	Pusat Urusan Zakat (PUZ) MAIDAM	850 gram	Tidak dinyatakan
14	Kelantan ³⁹⁶	Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	Tiada 'urf	Tiada

Sumber: Temubual dan Laman Web Rasmi Pusat Zakat Negeri

³⁸⁸Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah, dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.zakat.sabah.gov.my>

³⁸⁹Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZ), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.zakatpahang.my>

³⁹⁰Jabatan Zakat Negeri Kedah, Bahagian Dakwah & Kutipan, 7 Mei 2014

³⁹¹Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Unit Zakat, Baitul, 7 Mei 2014.

³⁹²Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIAMP), Bahagian Zakat, Baitul, 7 Mei 2014.

³⁹³Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.maij.gov.my>

³⁹⁴Tabung Baitulmal Sarawak, 7 Mei 2014.

³⁹⁵Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu, dicapai pada 29 Mac 2014,

<http://www.maidam.terengganu.gov.my>

³⁹⁶Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.e-maik.my>

3.10 KUTIPAN ZAKAT EMAS PERHIASAN

Pada masa dahulu, LZS (MAIS) dan PZM tidak menghadapi masalah untuk mengutip zakat emas kerana pada masa itu emas yang wujud di pasaran kebanyakannya hanya emas perhiasan semata-mata. Emas-emas tersebut dibentuk menjadi pelbagai aksesori seperti cincin, rantai, gelang, subang, anting-anting dan sebagainya.³⁹⁷ Masyarakat dahulu menjadikan wang, tanah dan rumah sebagai aset dan simpanan untuk kegunaan pada masa akan datang. Kecenderungan masyarakat terhadap nilai emas hanya wujud beberapa tahun kebelakangan ini yang menyebabkan teretusnya emas berbentuk dirham, dinar dan sebagainya untuk dijadikan sebagai aset dan simpanan. Perbincangan tentang nilai emas pada masa dahulu hanya berlegar di kalangan wanita sahaja dan merangkumi skop yang terhad seperti penjagaan imej dan kecantikan. Namun kini emas dimiliki bukan sekadar untuk perhiasan lagi. Situasi yang pelbagai dalam konteks emas, menyebabkan hukum berkaitan perkara tersebut telah diperkemas dari semasa ke semasa.³⁹⁸ Niat yang lain terhadap pemakaian emas menyebabkan ia tidak lagi dianggap sebagai emas perhiasan dan tidak boleh bersandar kepada kriteria *'urf* ketika ingin mengeluarkan zakat. Memakai emas dalam kuantiti yang terlalu banyak memperlihatkan kelainan dari sudut niat yang asal. Niat tidak boleh berlawanan dengan perbuatan seseorang manusia. Emas yang dipakai bagi tujuan perhiasan kebiasaannya tidak menjadi keterlaluan jika benar diniatkan semata-mata untuk berhias.³⁹⁹ Islam amat menitik beratkan persoalan keikhlasan dalam niat sebelum melakukan sesuatu perkara. Dari sudut ibadah, tanpa niat yang selari dengan ibadah yang hendak dilakukan, ia akan terbatal dan perlu diulangi semula sekiranya melibatkan ibadah wajib dalam agama. Kepentingan niat dalam mazhab Syafi'i menyerlah dalam banyak

³⁹⁷ Mohd Fariz Abdul Razak, *op.cit.*

³⁹⁸ *Ibid.*

³⁹⁹ Mufti Kerajaan Negeri Melaka. Y.Bhg. Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Rashid Redza Haji Md. Saleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, *op.cit.* Temubual pada 5 April 2013.

perkara yang bersangkutan paut dengan tindak tanduk manusia sama ada melibatkan urusan ibadat, mu‘amalat, munakahat dan juga jenayat.⁴⁰⁰ Rasulullah SAW bersabda:

انما الاعمال بالنيات وانما لكل امرئ ما نوى فمن كان هجرتة الى الله ورسوله فهجرتة الى الله ورسوله ومن كان هجرتة الى الدنيا يصبها او امرأة ينكحها فهجرتة الى ما هاجر اليه.

“Sesungguhnya setiap amalan itu adalah berdasarkan niat, dan sesungguhnya setiap manusia iatu dinilai mengikut apa yang diniatkan olehnya. Barangsiapa yang berhijrah kerana Allah dan rasulnya maka hijrahnya dikira kerana Allah dan Rasulnya. Dan barangsiapa yang berhijrah kerana dunia yang menantinya, atau kerana wanita yang ingin dikahwini olehnya, maka hijrahnya itu dikira berdasarkan apa yang diniatkan.”

(Riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud,)⁴⁰¹

Daripada persoalan niat juga timbul kepelbagaian hukum berdasarkan prinsip fiqh dengan menggunakan kaedah “*al-umur bi maqasidiha*” (Setiap perkara adalah atas maksudnya). Kaedah ini memperbahaskan pelbagai bentuk isu tentang niat yang memberi kesan kepada pembentukan hukum dalam Islam.⁴⁰² Dalam konteks zakat, keikhlasan adalah asas penting yang perlu diberi penekanan oleh masyarakat supaya zakat yang dikeluarkan benar-benar mencapai segala objektif yang menjadi matlamat syarak. Pada dasarnya dari sudut kutipan, LZS (MAIS) dan PZM tidak meletakkan kategori khas pembayaran zakat untuk emas perhiasan. Peratusan kutipan zakat dalam kategori ini juga tidak dapat dipastikan oleh kedua-dua organisasi tersebut kerana jumlah kutipannya telah *diobservekan* ke dalam

⁴⁰⁰Dalam aspek ibadah, al-Imam al-Syafi‘i meletakkan niat menjadi rukun paling terawal sebelum melakukan apa-apa bentuk ibadah yang wajib atau yang sunat. Sebagai contoh: wudhuk. Al-Quran hanya meletakkan 4 rukun wajib yang perlu dilakukan oleh seseorang ketika hendak mengambil wudhuk berbeza dengan 6 rukun sepertimana yang terdapat di dalam mazhab Syafi‘i. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah (5):6 bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan solat, maka (berwudhuklah kamu) iaitu dengan membasuh muka kamu dan kedua belah tangan kamu hingga sampai ke siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu hingga sampai ke buku lali.*” Sekalipun al-Quran tidak meletakkan syarat niat, namun bagi mazhab al-Syafi‘i tanpa niat wudhuk perbuatan tersebut tidak dikira sebagai ibadah, sebaliknya dianggap sekadar membersihkan anggota dari kekotoran atau sekadar menunjukkan badan ketika berada dalam cuaca yang panas. Tanpa niat wudhuk menjadi tidak sah. Begitu juga dengan ibadah yang lain. Niat yang betul dalam pemakaian emas melayakkan seseorang wanita untuk berhiasa tanpa zakat kecuali jika melampaui kadar ‘*urf* yang ditetapkan.

⁴⁰¹Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah (1998), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq: Ṭahā ‘Abd al-Rawūf Sa‘ad, Maṣūrah: Maktabah al-Imān. h. 37, 127, 238, 307, 341-342, 488. Hadith No: 1,2529, 3898, 5070, 6689, 6953. Al-Nawāwī, Maḥyū ad-Dīn bin Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim Syarḥ al-Nawāwī*, Qāhirah : Dār al-Manār, j. 13, h. 45. Hadith No. 1907. Abū Daud, Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sajastānī (t.t.) *Sunan Abī Daud*, Ta‘līq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārīf, h. 384. Hadith No: 2201.

⁴⁰²Al-Zarqā‘, Syaikh Aḥmad Syaikh Muḥammad (2012), *Syarḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, c. 10, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 47-53.

kategori zakat emas pelbagai kategori. Ini berlaku disebabkan oleh peratus pembayaran zakat bagi kategori ini adalah rendah berbanding zakat dari jenis yang lain. Menurut data yang diperolehi, peratus kutipan zakat emas perhiasan tidak dapat dikenal pasti, namun kutipan zakat emas secara keseluruhan berdasarkan graf dari tahun 2005 - 2012 yang diperolehi dari LZS (MAIS) telah menunjukkan peningkatan yang positif. Ini adalah merupakan satu trend yang baik yang ditonjolkan oleh masyarakat hasil kefahaman dan kesedaran tentang tanggungjawab yang perlu ditunaikan sebagai seorang muslim.⁴⁰³

Jadual 4.13 : Kutipan Zakat Emas Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2007 – 2012

Tahun	Jumlah (RM)
2007	453,289
2008	497,940
2009	593,028
2010	804,172
2011	1,308,681
2012* (Data Belum Audit)	2,078,616

Sumber : Lembaga Zakat Selangor

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kerjasama antara pihak Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan Jabatan Mufti Selangor (JMS), antara Pusat Zakat Melaka (PZM) dan Jabatan Mufti Melaka (JMM), dalam pengurusan zakat di Selangor dan Melaka telah mencetuskan satu kerangka kerja yang sistematik dari sudut teori dan praktikal ke arah mencapai objektif yang telah digariskan syarak. Malah, kerjasama yang terjalin mampu memastikan kepentingan agama dan kemaslahatan ummah terus terbela dan boleh menangkis segala bentuk kekeliruan dalam masyarakat. Peranan cukup besar yang dimainkan oleh organisasi zakat, telah terbukti mampu menjana kewangan negara dan membantu golongan-golongan *du'afak* untuk meneruskan kehidupan. Sekalipun penetapan hukum *'urf* dan kaedah kiraan zakat dalam

⁴⁰³Mohd Fariz Abdul Razak. *op.cit.*

permasalahan emas perhiasan adalah berbeza antara negeri-negeri di Malaysia disebabkan oleh *'urf* yang berbeza. Namun, jika sekiranya organisasi yang bertanggungjawab membiarkan hukum tersebut kosong tanpa apa-apa kadar yang diputuskan dan hanya menyerahkannya mengikut kebijaksanaan individu yang memakainya, maka sudah pasti situasi ini akan mengakibatkan berlaku *darar* dan kemudharatan yang lebih besar terhadap masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang. Bahkan impak negatif tersebut juga akan merebak kepada perkara-perkara lain yang sukar dijangka dan memberi perspektif buruk terhadap institusi agama. Sepertimana yang diuraikan, kadar *'urf* yang ditetapkan oleh negeri-negeri tidak akan kekal selama-lamanya kerana hukum *'urf* yang ditentukan adalah bertempoh dan digunakan selagimana *'urf* tersebut tidak berubah. Namun, perubahan *'urf* yang dimaksudkan oleh syarak bukanlah berlaku dalam tempoh yang singkat dan perlu diubah setiap kali berganti tahun. Sebelum Perubahan hukum dilakukan, *'urf* perlu dinilai dari pelbagai skop supaya fleksibiliti yang terkandung dalam syariat mampu menyerlah tanpa menjejaskan prinsip-prinsip asas syarak. Islam datang bukan untuk menyusahkan, sebaliknya ia datang dengan penuh kemudahan dan kemaslahatan, bahkan dalam masa yang sama mempunyai unsur didikan dan pembelajaran untuk kemajuan Umat Islam dari pelbagai sudut, terutamanya kerohanian, fizikal dan intelektual.